

Jilid III
Bil. 23



MALAYSIA

Hari Khamis
11hb Jun, 1981

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3049]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3102]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 3103]

USUL:

Penangguhan [Ruangan 3147]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Larangan atas Rapat Umum—Membatalkan [Ruangan 3148]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.
(Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.
(Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO
SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA (Paloh).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhormat **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN P. PATTO (Menglembu).**
- „ **TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).**
- „ **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).**
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).**
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb Jun, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

UBAT TIRUAN DI PASARAN

1. **Tuan Hussein bin Mahmoud** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau menjalankan usaha untuk mengesan sama ada terdapatnya ubat-ubat tiruan yang dipasarkan di negara ini. Kalau ya, apakah hasil daripada usaha tersebut dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap mereka yang didapati menjual ubat-ubat tiruan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab Pertanyaan Mulut yang sama di dalam Dewan ini pada 10hb April tahun ini. Oleh itu, saya tidak ada lagi jawapan tambahan kepada pertanyaan ini.

PERKHIDMATAN TELEKOM

2. **Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan telekom di setengah-setengah daerah sangat mendukacitakan kerana selain daripada selalu rosak juga perhubungan percakapan selalu terputus dan jika sedar, apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar akan berlakunya

kerusakan dan terputus perhubungan percakapan telefon yang dialami oleh pelanggan-pelanggan telefon, di setengah-tengah kawasan, tetapi peratus kejadian ini sekiranya ditinjau dari keseluruhan perkhidmatan telekom adalah agak kecil.

Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya terputus perhubungan percakapan adalah kerana ibusawat-ibusawat yang mempunyai keupayaan yang kecil dan muatannya telah hampir penuh. Keadaan ini lebih meruncing lagi apabila laluan trafik yang tinggi terutama sekali di masa yang sibuk. Ianya juga disebabkan oleh kekurangan litar-litar cawang dari ibusawat-ibusawat tersebut.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat akan memperbesar lagi ibusawat-ibusawat dengan menambah talian ibusawat-ibusawat yang berkeupayaan rendah dan menukar ibusawat-ibusawat lama dengan ibusawat-ibusawat baru untuk menampung muatan yang lebih besar.

Kerosakan juga kerap berlaku kerana masih terdapat lagi setengah-tengah kawasan yang menggunakan talian atas dari jenis dawai terbuka yang mudah terganggu dengan gangguan-gangguan persekitaran. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, kabel-kabel jenis ini akan ditukar dengan kabel bersalut dan kabel-kabel jenis bawah tanah yang lebih baik mutu penggunaannya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebab-sebab kesesakan traffic telefon ini ialah berlaku oleh kerana talian yang dibekalkan

kepada satu-satu kawasan itu amat kecil bilangannya sedangkan jumlah telefon yang dipasang terlalu besar bilangannya. Misalnya, bagi 20 talian, telefon yang digunakan ialah 200 sampai 300 maka oleh kerana itu kesesakan berlaku di kawasan-kawasan tertentu. Apakah langkah Kementerian yang berkenaan bagi menentukan supaya keadaan ini dapat dikawal pada masa hadapan iaitu kalau taliannya itu tidak begitu banyak maka jumlah telefon yang dipasang hendaklah berpadanan dengan jumlah talian yang dipasang itu.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom memasang perkhidmatan telefon mengikut keadaan talian dan mengikut keadaan nombor-nombor telefon yang tertentu dan kita tidak memasang berlebihan untuk keupayaan yang ada.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun perkhidmatan telefon pada keseluruhannya tidaklah begitu buruk tetapi di kawasan luar bandar perkhidmatan ini memanglah terlalu buruk dan oleh itu apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan itu ada tadi, sudah diberi oleh Yang Berhormat Menteri, melainkan kalau beliau hendak tambah lagi.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Kadangkala gangguan ini dibuat oleh para operator. Saya ingin tahu adakah operator boleh mengganggu perbualan kita dengan alasan bahawa line yang kita pakai itu diperlukan oleh orang lain. Ini sering berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini luar daripada soalan asal tetapi ada kaitan sedikit, bolehlah Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya tidaklah operator itu intervensi pada masa pelanggan-pelanggan bercakap di dalam telefon.

KEMATIAN BAYI-BAYI

3. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab utama yang mengakibatkan kematian seramai 631 bayi-bayi dalam tempoh 1-1-1979 hingga 31-8-1980 di Sandakan dan Tawau, sama ada kematian tersebut kerana kecuaiian dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kematian bayi-bayi di kedua-dua bandar itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut rekod-rekod Hospital Besar Tawau dan Hospital Daerah Sandakan, jumlah bilangan kematian kanak-kanak di bawah umur 4 tahun bagi tempoh 1-1-1979 hingga 31-8-1980 ialah sebanyak 496 iaitu 152 bagi Hospital Besar Tawau dan 344 bagi Hospital Daerah Sandakan dan bukannya 631 kematian seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kebanyakan kes-kes kematian ini adalah disebabkan "Gastroenteritis dan Broncho-pneumonia" yang merupakan penyakit biasa melibatkan bayi dan kanak-kanak. Kematian-kematian ini bukanlah disebabkan sebarang kelalaian malah saya suka meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan di kedua-dua buah hospital berkenaan telah melakukan segala yang terdaya untuk menyelamatkan bayi-bayi ini. Pihak Berkuasa Kesihatan Umum telah juga mengambil langkah untuk mengurangkan kejadian kematian bayi-bayi disebabkan oleh penyakit-penyakit ini.

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

4. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak negara-negara maju pada masa ini mengadakan Pelabuhan Bebas (Free Port) untuk meninggikan ekonomi dan menarik pelancung-pelancung datang ke negara mereka. Jika sedar, adakah Kerajaan kita bercadang hendak menjadikan Pulau Pinang sebagai Pelabuhan Bebas (Free Port) kembali seperti dahulu supaya dapat menarik lebih ramai pelancung-pelancung luar negeri itu dan meninggikan lagi tukaran wang luar dan akan menambah ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kewangan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk memulihkahkan taraf pelabuhan bebas bagi Pulau Pinang.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab pelabuhan Pulau Pinang itu ditarik balik taraf pelabuhan bebas.

Datuk Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebabnya Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil balik taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Kedudukan Pulau Pinang perlu disamakan dengan • lain-lain tempat di Semenanjung Malaysia untuk memajukan kawasan-kawasan perdagangan bebas di Pulau Pinang.

KES ROMPAKAN

5. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan daripada bilangan kes-kes rompakan yang dapat dikesan apakah faktor-faktor utama yang mendorong penjenayah-penjenayah itu untuk melakukan kesalahan ini dan sama ada fakta-fakta ini adalah kemiskinan atau keinginan hendak hidup mewah atau kurang keyakinan dan jika ya, sama ada Kerajaan akan menutup semua tempat-tempat maksiat seperti kasino, disko dan kelab-kelab malam.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa sebab-sebab yang didapati dari soal siasat yang telah dijalankan terhadap orang-orang yang terlibat di dalam kes-kes rompakan atau samun ialah antara lain:

- (a) Kurang pengawasan ibubapa ke atas anak.
- (b) Pengangguran.
- (c) Kemiskinan di kalangan masyarakat yang tidak menghayati ugama atau nilai-nilai moral.

(d) Keinginan hidup mewah.

(e) Kegiatan-kegiatan maksiat seperti judi, arak dan pelacuran.

(f) Kecergasan kongsi gelap; dan

(g) Penyalahgunaan dadah.

Agak susah bagi kita untuk memastikan hubungan langsung secara tersendiri antara perkembangan jenayah dengan kasino, disko dan kelab malam kerana antara negara-negara yang paling rendah peratusan jenayah di dunia ialah Jepun dan Greece, walaupun di sana terdapat kasino, disko dan kelab malam yang lebih banyak dari Malaysia.

Penghapusan tempat-tempat maksiat di Malaysia tidak bererti maksiat itu sudah terhapus, malah rakyat melakukan maksiat di mana-mana sahaja seperti di hutan-hutan nipah di zaman penjajah dahulu, rakyat juga dapat melanggan tempat-tempat maksiat di negara jiran yang akan menimbulkan masalah baru pula. Walau bagaimanapun jika jenayah sudah kurang dan jika ianya tidak ada sekalipun, sebagai umat Islam kita perlu terus berusaha untuk menghapuskan maksiat sama ada yang disebut ataupun yang tidak disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tanggungjawab untuk menghapuskan jenayah dan maksiat tidak terletak di atas bahu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sahaja, malahan menjadi tanggungjawab bersama seluruh rakyat jelata. Dengan adanya peningkatan kegiatan dakwah sama ada oleh pihak Kerajaan atau badan-badan persendirian maka maksiat akan terus berkurangan sama ada ianya berhubung atau tidak berhubung dengan jenayah sama-samalah kita berusaha ke arah ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, di antara sebab-sebab yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai berlakunya bertambah kes-kes jenayah ialah masalah penyalahgunaan dadah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penyalahgunaan dadah ialah sebab utama yang menyebabkan kes-kes jenayah dan adakah ini bermakna bahawa pihak Kementerian telah begitu gagal untuk mencari jalan yang lebih efektif untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita.

Tuan Sanusi bin Junid: Penyalahgunaan dadah adalah salah satu dari sebab-sebab berlakunya jenayah dan bukan sebab utama. Saya menafikan Kerajaan gagal dalam usaha menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah kerana kita sedang berusaha dan kita berpuas hati dengan kesan-kesan yang diperolehi.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju dengan saya bahawa tempat-tempat di negara-negara Islam seperti di Mekah tidak ada maksiat, tidak ada kasino, tidak ada tempat perjudi, tidak ada kegiatan dadah, tetapi di sana juga ada berlaku kecurian begitu banyak sekali, maksiat banyak sekali. Jadi mana lebih baik sama ada Timbalan Menteri bersetuju dengan saya negara kita inilah satu negara yang boleh kontrol penjenayahnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya apa? Hendak setuju atau tidak bersetuju sahaja.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetujukah yang negara kita ini "the best" dalam dunia ini, sebab dapat kontrol jenayah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab.

Tuan Sanusi bin Junid: Itu soalan lain.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi 7 sebab. Saya ingin tahu apakah di antara ke tujuh-tujuh sebab ini ada di antaranya yang mengatasi yang lain dan apakah selain daripada 7 sebab ini terdapat juga unsur-unsur perompakan di mana tujuan merompaknya ialah hendak merompak orang-orang yang kaya dan untuk diberikan kepada orang yang tidak berada ertinya rompakan "ala Robin Hood" di Malaysia.

Tuan Sanusi bin Junid: Semua sebab-sebab ini menjadi sebab utama bergantung kepada masa dan keadaan pada waktu-waktu yang tertentu. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak membezakan antara rompakan "Robin Hood" dan tidak "Robin Hood" asal rompak semuanya jenayah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan ini rekod jenayah dan rekod maksiat di negeri Kelantan sejak sebelum tahun 1978, sama ada pada masa peralihan pemerintahan dalam tahun 1978 itu negeri Kelantan bersih daripada segala perbuatan jenayah dan bersih daripada segala perbuatan maksiat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira soalan itu tidak adil ditanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

MISI PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan misi perdagangan yang dihantar ke luar negeri mengikut kaum Melayu, China dan India dari tahun 1975 sehingga tahun 1980.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Rombongan Perdagangan dan Pamiran Perdagangan yang dihantar keluar negeri dari tahun 1975-1980 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Rombongan Pamiran</i>
1975	4 4
1976	4 6
1977	7 9
1978	4 10
1979	4 8
1980	5 9
	JUMLAH ..	28 46

Mengenai pecahan bilangan peserta mengikut kaum sukalah saya menegaskan bahawa kriteria melantik peserta-peserta dalam rombongan perdagangan luar negeri atau pamiran ialah minat dan kemampuan memasar barang-barang mereka di luar negeri dan bukan mengikut kaum.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tidak ada pertimbangan dari segi kaum apabila peserta-peserta rombongan perdagangan ke luar negeri, soalan saya ialah apabila lawatan itu misalnya sebuah negara yang bercakap bahasa Tamil ataupun Cina adakah mereka yang pandai atau fasih bercakap dalam bahasa itu diberi keutamaan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kalau peserta itu tahu bahasa yang digunakan di tempat atau negeri yang mana kita ada menghantar rombongan, itu adalah lebih sesuai tetapi kadangkala ataupun kebanyakan rombongan ini diketuai oleh pegawai dari Kementerian dan juga ada Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri ada menyertai rombongan ini dan masalah bahasa ini diatasi dengan menggunakan pegawai tempatan di sana untuk menterjemah bahasa mengikut bahasa yang ada di negara itu.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada kesemua misi perdagangan ini dibiayai oleh Kerajaan atau ada di antara mereka yang pergi dengan belanja sendiri?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, melainkan pegawai baik dari Kementerian saya atau Kementerian lain, semua peserta yang datang dari pihak swasta menanggung perbelanjaan sendiri tetapi ada masa yang mana kita beri dua atau tiga wakil daripada Perbadanan-perbadanan atau Dewan Perniagaan Melayu kita memberi kemudahan seperti perbelanjaan tambang dan sebagainya.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di masa lepas terdapat ahli-ahli misi ini terdiri dari mereka yang bukan pakar di dalam bidang-bidang tertentu. Ini kurang berkesan. Adakah pihak Kementerian sedar perkara ini dan kalau sedar, apakah langkah-langkah pihak Kementerian supaya di masa hadapan apabila kita memilih misi ke luar negeri ini, pilihlah mereka yang betul-betul pakar.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, misi perdagangan ini tujuan utamanya ialah memberi peluang kepada pengeluar atau peniaga memasarkan barang di luar negeri. Dari segi itu kepakaran seseorang peserta baik kaum peniaga atau kaum pengeluar saya rasa tidak berbangkit. Tetapi ada setengah yang mana kita ada seminar seperti rombongan pelaburan atau menggalakkan pelaburan, itu kita ada pakar-pakar dalam misi kita.

PERTUBUHAN BELIA—BANTUAN KEWANGAN

7. **Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlahnya bantuan kewangan yang telah diperuntukkan kepada kelab-kelab belia di Malaysia dalam tiga tahun yang baru lalu ini dan sama ada Menteri sedar kebanyakan kelab belia tidak mempunyai wang untuk terus bergerak dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membantu mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan yang diberi kepada pertubuhan-pertubuhan belia boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu, (i) bantuan kewangan untuk urusan pentadbiran dan (ii) untuk menjalankan program-program termasuk bantuan subsidi.

Jumlah bantuan kewangan untuk kegiatan pertubuhan dan persatuan Belia adalah seperti berikut:

		<i>Tahun</i>	
1978		\$1,300,000
1979		\$1,255,000
1980		\$1,347,168

Selain daripada itu ada juga bantuan yang berupa pinjaman. Pinjaman untuk rancangan belia berniaga adalah satu contoh daripada bantuan ini.

Bantuan kewangan untuk projek-projek pembangunan ekonomi belia pula dibahagikan kepada 2 kategori:

- (i) bantuan kewangan untuk kegiatan pertubuhan dan persatuan belia.

(ii) Bantuan kewangan untuk projek-projek pembangunan ekonomi belia.

(a) Bantuan pinjaman bagi projek-projek perniagaan:

Tahun

1978.. .. .	\$ 377,770.65
1979.. .. .	\$3,545,071.24
1980.. .. .	\$5,637,971.63

(b) Manakala jumlah bantuan untuk rancangan-rancangan projek belia peladang adalah seperti berikut:

Tahun

1978.. .. .	\$2,767,708.00
1979.. .. .	\$2,951,022.00
1980.. .. .	\$2,669,148.94

Memang benar bahawa kebanyakan kelab-kelab belia di negara kita masih bergantung kepada bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan walaupun ada di antara mereka yang menjalankan projek-projek yang mendapat keuntungan dan menggunakan sebahagian keuntungannya itu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kelab mereka.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk membantu pertubuhan-pertubuhan belia ialah mengeluarkan bantuan kewangan seperti yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu Kerajaan juga memberi bantuan kepakaran dan khidmat nasihat bagi mereka mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti ke arah berdikari.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu sebagaimana yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, banyak wang-wang yang telah diberi peruntukan termasuk juga cara pinjaman. Apakah syarat-syarat sesuatu persatuan itu yang mesti mengadakan sebelum pinjaman itu akan diadakan ataupun boleh dibuat dengan tidak ada satu-satu sebab ataupun satu-satu syarat?

Kedua, sesudah diberi pinjaman adakah pihak Kementerian yang berkenaan mengikuti perjalanan (follow-up) di atas rancangan yang telah diberi pinjaman?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, biasanya sebelum apa-apa pinjaman diluluskan daripada pihak Kementerian, biasanya kelab-kelab ini disyorkan supaya membuat working paper dahulu. Jikalau sudah diteliti oleh pihak Kementerian dapat menguntungkan pihak kelab tersebut, pinjaman akan diluluskan. Demikian juga bila pinjaman itu diluluskan, biasanya grace period diberi sebelum mereka membayar balik duit yang dipinjamkan itu dan sentiasa diawasi oleh pihak Kementerian.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan banyak mengadakan lawatan-lawatan sambil belajar sama ada dalam negeri ataupun luar negeri, mengadakan projek pertukaran belia, mengadakan projek-projek belia niaga, belia peladang dan pihak Kementerian juga ada mengadakan bekalan perabut-perabut kepada pejabat-pejabat Persatuan Belia, tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa pihak Kementerian kurang sekali memberikan peruntukan kepada pentadbiran Persatuan-persatuan Belia. Misalnya, untuk Persatuan Belia Peringkat Negeri sahaja diberi bantuan sebanyak lebih kurang \$1,800 setahun. Jadi, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang di masa-masa yang akan datang untuk memberikan sedikit subsidi ataupun bantuan kepada Persatuan-persatuan Belia di peringkat cawangan ataupun di peringkat daerah?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu yang mengatakan pihak Kementerian kurang sekali memberi bantuan kepada beberapa kelab belia. Jikalau kita banding ataupun jikalau kita lihat dengan negara-negara jiran patut belia-belie di negara ini sangat bersyukur kepada Kerajaan Malaysia oleh kerana tiap-tiap tahun sebagaimana yang saya sebutkan tadi Kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit untuk memberi bantuan kepada para belia. Kalau kita lihat di negara jiran seperti Filipina, Indonesia dan sebagainya belia-belie di negara tersebut hanya mendapat sokongan daripada Lion's Club, Rotary Club dan sebagainya. Saya tidak

lihat ada anggaran atau ongkos yang diberi oleh Kerajaan mereka untuk merancang pelaksanaan projek bagi belia.

Tuan Chan Teck Chan: Salah satu cara untuk mengatasi kekurangan wang yang dihadapi oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) atau Persatuan-persatuan Belia yang ada di Malaysia adakah Kementerian Belia akan mempertimbangkan untuk memperuntukkan satu peruntukan \$5 juta kepada Yayasan Belia yang di bawah pentadbiran MBM.

Tuan Luhah Wan: Saya tidak dengar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang sekali lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Kebanyakan Persatuan-persatuan atau Badan-badan Belia menghadapi kekurangan peruntukan atau kewangan sepertimana yang ada dibangkitkan di dalam mesyuarat agung MBM di Perak baru-baru ini. Maka salah satu langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah ini supaya boleh menolong pergerakan belia di Malaysia ini adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempertimbangkan untuk mengeluarkan satu peruntukan khas yang berjumlah \$5 juta kepada yayasan belia di bawah pentadbiran MBM.

Tuan Luhah Wan: Sebagaimana yang saya terangkan tadi, sebelum kita membanjir atau memberi ongkos atau anggaran untuk pelaksanaan projek-projek yang dilancarkan oleh pihak para kelab-kelab belia ini haruslah diteliti dengan teliti jikalau betul-betul akan memberi keuntungan kepada pihak yang akan melaksanakan projek atau rancangan itu, akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak Kementerian. Perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu kita akan mengambil perhatian.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar tentang terdapatnya beberapa buah kelab-kelab belia di dalam negara ini yang mendapat bantuan kewangan daripada luar negeri. Jika sedar,

apakah langkah-langkah yang diambil melalui Kementerian bagi menentukan supaya persatuan-persatuan belia ini tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir daripada luar negeri yang memberi bantuan kepadanya.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengawasi perkara ini. Kebanyakan bantuan yang diberi oleh pihak negara lain ataupun badan-badan yang bukan ditubuh di Malaysia ini sentiasa menerusi Kementerian. Oleh kerana itu saya menjelaskan untuk Yang Berhormat ini supaya ia jangan khuatir oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengawasi perkara ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia tadi, beliau membandingkan belia negara kita dengan belia negara jiran tetapi adakah beliau sedar bahawa masalah belia di negara kita tidak boleh disamakan dengan masalah belia di negara jiran. Walaupun pihak beliau menafikan tentang kelemahan pentadbiran belia di peringkat luar bandar tetapi adakah beliau sedar bahawa persatuan di luar bandar kebanyakannya adalah hidup segan mati tak mahu dan apakah rancangan pihak Kementerian ini untuk memberi bantuan khusus atau satu rancangan baru untuk menghidupkan semula persatuan belia yang ada di peringkat-peringkat kampung supaya janganlah persatuan itu ada pada namanya sahaja.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita bukan hendak menyamakan keadaan dengan negara jiran terhadap para belia kita di Malaysia. Apa yang saya katakan tadi jikalau kita banding dengan keadaan yang dialami oleh belia di negara kita patut belia di negara ini sangat bersyukur oleh kerana bantuan yang begitu banyak telahpun diberi oleh pihak Kerajaan dan juga tujuan kita terhadap belia-belia ini, kita bukan sentiasa akan membimbing mereka sebagai kanak-kanak yang tidak berakal baligh bahkan kita harus memberi latihan supaya mereka ini dapat berdikari, berdiri di atas kaki sendiri dan kita juga sanggup memberi layanan dan bimbingan kepada para belia, itulah sebabnya sekarang

kita mempunyai pusat latihan belia seperti di Dusun Tua dan satu lagi di Pertak yang terbaik sekali di rantau ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kita dapati perbelanjaan tahun 1978 hingga 1980 sepatutnya bertambah. Tetapi perbelanjaan bagi pengurusan pentadbiran kelab-kelab belia yang diperuntukkan oleh Kementerian ini nampaknya tidak banyak bertambah. Soalan saya, apakah kriteria ataupun kaedah-kaedah yang digunakan oleh Kementerian ini semasa hendak memberikan bantuan kepada persatuan-persatuan ataupun kelab-kelab belia di negara ini.

Tuan Luhut Wan: Sekarang kita hanya sampai bulan Jun tahun ini, belum sampai hujung lagi. Kalau kita dapati sangat penting rancangan-rancangan untuk belia ini diberi lagi banyak ongkos ataupun anggaran kita akan mempertimbangkan perkara itu.

BANCIAN SETINGGAN-SETINGGAN DI BANDARAYA

8. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada banciaan ada dibuat mengenai data setinggan-setinggan di bandaraya mengikut pecahan kaum dari setahun ke setahun, bilangan rumah, pendapatan dan keluarga dan apakah usaha untuk membantu setinggan-setinggan mendapatkan kemudahan asas sebagai kemudahan asasi mereka.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang telah mengadakan kajian untuk mendapatkan data-data mengenai setinggan di Wilayah Persekutuan, dari segi pembahagian mengikut kaum, bilangan rumah, pendapatan dan sebagainya. Sebenarnya kajian ini dibuat di dalam Pelan Induk Kuala Lumpur yang tamat pada tahun 1980.

Kerajaan memang berusaha untuk membantu setinggan-setinggan dengan memberikan beberapa kemudahan asas kepada mereka. Semua kawasan setinggan telah mendapat bekalan air. Beberapa kawasan pula juga telah diberikan bekalan

api, jalanraya dan disediakan juga surau, padang permainan dan lain-lain untuk kebajikan mereka.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa semua kawasan setinggan ada mendapat bekalan air. Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa untuk kawasan setinggan yang mempunyai kepadatan penduduk tiada paip awam yang cukup dan adakah Kementerian berkenaan menetapkan satu dasar di mana dapat mengadakan bilangan paip awam yang boleh dibekalkan ke satu kawasan setinggan mengikut penduduk-penduduk yang ada di dalam kawasan setinggan itu.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah meletakkan dasar satu matlamat untuk kita mencapai dalam memberi bekalan air kepada kawasan-kawasan setinggan iaitu kita harap kita akan mencapai nisbah satu paip awam kepada 20 keluarga.

SISTEM 3M—KEJAYAAN

9. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan selepas dari kita mengakui bahawa sistem 3M adalah baik maka adakah kesedaran itu baru saja tumbuh akibat dari kegagalan sistem lama. Dan adakah Kementerian telah siap sedia menyusun kurikulum sesuai dengan sistem baru ini agar tidak banyak lagi anak-anak kita menjadi korban percubaan sistem demi sistem.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa langkah Kementerian Pelajaran mengadakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah merupakan satu kesedaran yang baru sahaja tumbuh. Sebenarnya Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang ditubuhkan dalam tahun 1974 telahpun meneliti masalah kurikulum sekolah rendah dan keputusan yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengadakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang memberi penekanan kepada kemahiran asas, iaitu 3M (membaca, mengira dan menulis), adalah sejajar dengan perakuan yang terdapat

dalam laporan Jawatankuasa Kabinet itu khususnya perakuan No. 55 yang menyarankan bahawa: "Kurikulum Sekolah Rendah hendaklah dikaji semula supaya pendidikan yang diberi kemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek pendidikan asas (membaca, menulis mengira) dan perkembangan bakat kanak-kanak."

Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang dalam proses menyusun Kurikulum Baru ini yang dijangka siap sebelum akhir bulan September, 1981. Segala langkah yang perlu sedang giat diusahakan bagi menjamin kesempurnaan kurikulum ini sesuai dengan hasrat yang terkandung dalam Perakuan 55, Jawatankuasa Kabinet itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan Timbalan Menteri tadi nampaknya kurikulum 3M itu masih di dalam proses walaupun perlaksanaannya dikira sudah hampir. Jadi adakah Kementerian bercadang memberi satu masa yang sesuai bagi orang ramai meneliti kurikulum 3M itu sebelum ianya dilaksanakan?

Keduanya, apakah di dalam kurikulum 3M itu ditekankan juga masalah "mendengar" sebagai suatu yang penting?

Ketiganya, adakah di dalam Kurikulum 3M itu dasar-dasarnya merupakan suatu dasar-dasar yang baru, dasar-dasar yang dapat menjamin supaya ianya tidak dikembalikan kepada dasar kurikulum 3M di zaman penjajahan dahulu kerana kurikulum yang ada sekarang barangkali lebih mempunyai kemajuan daripada kurikulum 3M yang dilaksanakan di zaman yang lalu?

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk pembetulan rekod sedikit iaitu pelaksanaan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran ialah tahun 1983. Jadi pada masa sekarang Kementerian Pelajaran dalam proses menyusun kurikulum baru ini yang dijangkakan siap sebelum akhir bulan September, 1981 dan selepas itu barangkali selama tahun 1982 kita akan dapat mencubakan di dalam 300 buah

sekolah-sekolah rendah di dalam Malaysia kita. Inilah langkah kita akan dapat jalankan dan kita berharap mulai tahun 1983 satu set baru kurikulum yang kita sudah proses dan telah cubakan dapat dilaksanakan.

Soalan tambahan kedua ialah meliputi "mendengar" pun dalam penekanan 3M ini. "Mendengar" barangkali jikalau kita boleh membaca, menulis dan mengira tentu saya ingat mendengar pun boleh dapat, barangkali tidak payah memasuki dalam penekanan ini.

Ketiga, berkenaan dengan jaminan bahawa sistem baru atau kurikulum baru ini dapat dijalankan dengan baik dan dengan kemajuan, kita fikir dengan pengalaman-pengalaman dan juga dengan penyusunan semula kurikulum baru ini kita yakin dengan pengalaman yang lepas dan juga dengan proses percubaan ini kita yakin bahawa kurikulum baru ini tentulah akan memberikan efek yang berkesan kepada sekolah-sekolah rendah dalam negara kita pada masa akan datang.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa segolongan rakyat yang mengkhawatiri bahawa apabila rancangan 3M ini dijalankan masa mengajar bahasa ibunda itu akan dikurangkan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit sebanyak penjelasan mengenai perkara ini.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 13hb April tahun ini bahawa bahasa ibunda, khasnya untuk S.R.J.K. (C) dapat bukan sahaja bersamaan masa yang ada sekarang tetapi dapat ditambah. Jadi ini satu jaminan yang boleh diberi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Supaya sistem pelajaran 3M ini tidak akan menemui nasib sebagaimana pernah ditemui oleh sistem pelajaran lanjutan dan juga sistem sekolah aneka jurusan, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini apakah persiapan-persiapan atau persediaan yang dijalankan oleh Kementerian beliau dari segi kurikulum, latihan guru,

peralatan dan seterusnya lain-lain perkara yang ada hubungan dengan infrastruktur di sekolah-sekolah?

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, melalui Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran kita pun sudah menyediakan contoh-contoh untuk kaedah mengajar, bahan-bahan mengajar, contoh-contoh itupun sudah siap dan satu program untuk melatih guru-guru yang masih berkhidmat, itupun kita sudah rancang. Jadi barangkali pada tahun 1982 kita akan mulai memberikan latihan untuk guru-guru.

Satu perkara barangkali dikira penting juga iaitu kita dapat juga memberikan lebih kurang setahun, barangkali lebih sedikit untuk kita mencatatkan buku-buku baru untuk pelaksanaan sistem kurikulum baru ini dan buku-buku itupun dalam proses penulisan dan kita berharap tidak berapa lama lagi kita akan dapat menyebarkan kepada pencatat supaya buku-buku itupun boleh didapati. Pada keseluruhannya dalam masa satu tahun lebih ini kita tentu akan dapat menggunakan semua infrastruktur dan sebagainya untuk menyediakan kurikulum baru ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa dengan adanya pelaksanaan kurikulum 3M ini (membaca, menulis dan mengira) sudah tentu dapat pula ia mendengar. Saya kira bahawa Timbalan Menteri tidak menguasai perkembangan pendidikan moden kerana "mendengar" itu mempunyai satu jurusan yang lain pula. Jadi saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menegaskan di sini sejauh manakah 3M itu melaksanakan konsep dan cara-cara baru yang menyeluruh.

Keduanya ialah

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah satu dahulu, tadi sudah tiga!

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang difahamkan oleh saya di dalam sistem persekolahan kita sekarang sekadar satu murid yang tidak berapa baik dari segi mendengar, barangkali kita berikan alat pandang dengar, pemulihan kepada murid itu. Dan selain daripada itu saya tidak dapat apa-apa jurusan seperti yang telah

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa mendengar ini pun adalah teknik yang lain, saya tidak berapa faham tentang perkara itu.

Jadi sejauh mana, tolong ulang lagi sekali! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang. Ulang soalan yang akhir.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sejauh manakah kurikulum 3M yang dicadangkan itu merupakan satu kurikulum yang menyeluruh dalam bidang pendidikan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana barangkali ini awal sedikit untuk memberi jawapan. Tetapi sejauh mana yang kita akan mencapai matlamat kita supaya satu sistem kurikulum baru untuk menyesuaikan dengan keadaan persekolahan sekarang dapat dicapai. Itu barangkali tujuan kita setakat ini untuk masa sekarang.

PERGERAKAN BELIA DAN SUKAN

10. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mendorong pergerakan belia dan sukan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedia mempunyai rancangan-rancangan dalam bidang-bidang belia dan sukan bahkan kebudayaan juga untuk dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak iaitu sepertimana yang dijalankan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Satu daripada strategi rancangan-rancangan ini ialah untuk mengeratkan lagi perhubungan di kalangan belia di kedua-dua kawasan ini. Di antara rancangan-rancangan belia ialah pembangunan ekonomi seperti rancangan belia niaga dan projek belia peladang, pergerakan belia termasuk kursus-kursus kepimpinan dan penubuhan-penubuhan kelab, latihan vokasional di mana belia-belie di Sabah dan Sarawak menjalani

latihan sama ada di pusat latihan belia di Semenanjung atau di rancangan-rancangan pembangunan di Bintulu.

Selain daripada itu belia-belia menjalani latihan sambil belajar dengan pihak-pihak tertentu.

Sejak kebelakangan ini Kementerian telah mempergiatkan lagi rancangan pertukaran belia di antara kedua-dua negeri, Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia dan juga di antara Sabah dan Sarawak. Begitu juga dalam lapangan sukan. Berbagai-bagai aktiviti di bawah rancangan yang tertentu telah dan sedang giat dijalankan umpamanya Kem Bakat di mana belia-belia menjalani latihan yang teratur dalam berbagai-bagai jenis sukan. Majlis Sukan Negeri Sabah dan Sarawak yang sedang dalam proses pembentukan akan menjadi ahli Majlis Sukan Negara Malaysia iaitu badan yang menyelaraskan dasar dan rancangan-rancangan sukan. Pendek kata Kementerian saya memberi perhatian yang berat kepada rancangan-rancangan yang boleh mengeratkan lagi kerjasama dan perhubungan di antara kedua-dua negeri iaitu dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan pergerakan belia dan sukan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang ada sekarang, saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada Kerajaan akan mempercepatkan rancangan-rancangan pergerakan belia dan sukan. Jika ya, apakah langkah-langkah akan diambil.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi di dalam jawapan saya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap masalah-masalah belia di negeri Sabah dan Sarawak demikian juga di Semenanjung Malaysia.

Rancangan-rancangan yang sedang dilancarkan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah untuk meninggikan taraf hidup belia di negeri Sabah dan Sarawak demikian juga di Semenanjung.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, masalah regional ini ataupun masalah perpaduan wilayah yang melibatkan golongan belia adalah satu perkara yang paling penting berdasarkan 65% rakyat Malaysia daripada belia. Oleh kerana Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah agak terpisah begitu jauh, saya berterima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberi jawapan secara umum

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa soalan tambahannya?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Hendak pergi ke situ, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jauh sangat, teruskan kepada soalnya.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Secara umum, jadi bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan ini rancangan-rancangan yang lebih berkesan, rancangan-rancangan yang melibatkan lebih ramai pemimpin belia dari kedua negeri dengan Semenanjung Malaysia supaya fahaman jenerasi muda terhadap perpaduan negara ini dapat terus disuburkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripadanya sudah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, jadi ada tambahan lagi?

Tuan Luhut Wan: Tidak ada.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi nyata sekali kegiatan belia itu adalah secara berasingan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak tetapi tidak ada sesuatu kegiatan yang boleh menghubungkan muhibbah di antara belia-belia tiga buah negeri atau tiga buah wilayah yang disebutkan tadi. Jadi untuk melahirkan perasaan muhibbah di antara belia-belia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, adakah pihak Kementerian beliau mengadakan rancangan-rancangan pertukaran belia ataupun mengadakan sukan ataupun permainan antara belia-belia tiga buah wilayah ini dan kalau tidak ada, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakannya pada masa yang akan datang.

Tuan Luhat Wan: Saya sudah jelaskan tadi, Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti sedang dilancarkan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengeratkan perhubungan di antara belia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, iaitu termasuk kursus-kursus kepimpinan dan penubuhan-penubuhan kelab dan juga latihan vokesyenal di mana belia-belia di Sabah dan Sarawak menjalani latihan sama ada di Pusat Latihan di Dusun Tua atau di Pertak ataupun di Bintulu.

Saya sedar juga pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat berbagai-bagai pelan ataupun menyelaraskan berbagai-bagai perkara untuk merapatkan hubungan pihak belia negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa sebenarnya di kalangan belia-belia lebih banyak pertukaran dan perhubungan mahupun di bidang sukan ataupun kebudayaan daripada di kalangan orang-orang dewasa yang sudah meningkat umur dan sudah lapuk seperti kita ini. Itu satu.

Pada masa ini pertukaran di kalangan belia-belia di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung itu cukup banyak. Yang menyebabkan kita kurang faham ialah oleh kerana timbulnya banyak soalan tambahan mengenai perkara ini. Cuma yang kurang pertukaran di kalangan belia-belia adalah barangkali mereka belum lagi banyak yang berkahwin di antara sana dan sini (*Ketawa*). Kalau ini dapat diselesaikan, lebih banyak lagi dapat dipereratkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak ditugaskan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan? (*Ketawa*).

Datuk James Peter Ongkili: Ya.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat itu oleh kerana membangkitkan soalan ini (*Ketawa*). Hanya satu assurance saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu perkara ini akan dipertimbangkan, akan tetapi saya tidak dapat memberi jaminan oleh kerana kahwin di

antara manusia ini bukan kahwin macam binatang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, makna perkataan saya tadi kahwin kita manusia ini bukan macam kahwin binatang, kalau kita hendak jenis kerbau atau lembu dari Australia, senang sahaja; kita bawa benihnya dari Australia. Tetapi manusia kalau bukan ada jodohnya susah juga kita hendak paksa. Ini yang menjadi sukar sedikit. Walau bagaimanapun, cadangan yang baik ini kita ambil perhatian (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Koon Swan.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

LESEN SEMENTARA KEPADA PERUSAHAAN KECIL

11. Datuk Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengeluarkan lesen-lesen sementara kepada perusahaan-perusahaan kecil yang pada masa ini menjalankan operasinya di daerah-daerah yang belum dijadikan kawasan industri sehingga bila penyelesaian-penyelesaian boleh didapati untuk menempatkan mereka semula di tempat lain.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang mengambil perhatian ke atas masalah pengeluaran lesen sementara bagi perusahaan-perusahaan kecil yang bertempat di kawasan-kawasan bukan industri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan menguatkuasa ke atas mereka yang menjalankan perusahaan-perusahaan kecil di daerah-daerah yang belum dijadikan kawasan industri sebaliknya mereka terus dibenar menjalankan operasi sehingga mereka mendapat suatu tempat yang tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah mengeluarkan lesen-lesen kepada perusahaan-perusahaan kecil ini kecuali bagi perusahaan-perusahaan yang merbahaya dan mengancam kesihatan umum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan yang ke-12.

PERMIT TEKSI KEPADA PEMILIK PEMANDU SENDIRI

12. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada semua lesen-lesen teksi yang dikeluarkan dalam masa akan datang akan dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha teksi sendiri (owner-operators) dan juga lesen-lesen baru akan dibahagikan secara adil untuk mencerminkan masyarakat berbilang kaum kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi polisi Kementerian Perusahaan Awam mengeluarkan permit-permit teksi hanya kepada pemilik pemandu sendiri dan pembahagian permit-permit ini adalah berlandaskan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yan di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-13.

PERKHIDMATAN POS—PENYERAHAN SURAT-SURAT

13. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa surat-surat yang dihantar dalam Kuala Lumpur sendiri memakan masa lebih daripada 5 hari sedangkan surat-surat yang dihantar ke England dan Amerika Syarikat memakan masa antara 5 hingga 7 hari. Adakah kajian dibuat tentang bagaimana boleh dipercepatkan lagi penghantaran surat-surat bukan sahaja dalam Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara. Jika tidak, mengapa.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar akan kemungkinan boleh berlakunya kelewatan terhadap surat-surat yang dipos dan dialamatkan kepada penerima di sekitar Kuala Lumpur sendiri. Atas kesedaran inilah

Kementerian sentiasa berusaha dan mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada; membuat rancangan-rancangan pembaikan jangka pendek dan jangka panjang; melaksanakan rancangan-rancangan yang telah disusun dan dipersetujui ke arah pencapaian matlamat akhir perkhidmatan pos iaitu penyerahan surat-surat pada hari yang berikutnya dari tarikh surat-surat itu diposkan, di antara dan di dalam bandar-bandar besar di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada setakat ini berkat dari ketekunan, kegigihan dan kecekapan pegawai-pegawai Jabatan Pos, 80% daripada matlamat tersebut telahpun tercapai.

KENAIKAN HARGA RUMAH

14. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar memandangkan kepada kenaikan harga rumah-rumah yang melambung naik yang menjadikan amat sukar untuk majoriti rakyat Malaysia membeli rumah dan ada memandang kepada hakikat ini Kerajaan telah melepaskan objektifnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara "house owning democracy".

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta meningkat naik pada masa akhir-akhir ini dan telah menyebabkan kerumitan kepada pembeli-pembeli rumah jenis sederhana dan mewah.

Bagi pembeli-pembeli dari golongan berpendapatan rendah yang membeli rumah-rumah kos rendah kenaikan harga tidaklah membebankan kerana harga jualan rumah-rumah jenis tersebut dikawal dan ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat semua jenis rumah kos rendah sama ada yang dibina oleh sektor awam atau swasta penjualan dan pembahagiannya akan diuruskan oleh Kerajaan dengan harga yang dikawal dan ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga rumah ialah kekurangan bilangan rumah yang dapat ditawarkan kepada pembeli-pembeli ditambah pula dengan beberapa faktor lain ialah seperti kesan-kesan inflasi, kekurangan bahan-bahan binaan, kekurangan tenaga kerja mahir, kegendalaan proses pelaksanaan dan pengambilan untung yang berlebihan melalui kegiatan spekulasi. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menstabilkan harga rumah di negara ini termasuk langkah-langkah mengurangkan spekulasi melalui kawalan kredit bank atas pinjaman perumahan dan dengan memperbanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah untuk keperluan rakyat. Bagi menjamin kelicinan pelaksanaan program perumahan Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan menggunakan beberapa strategi baharu dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (1) Kerajaan akan melaksanakan skim perumahan kos rendah berdasarkan kepada konsep kondominium dengan tujuan untuk menggunakan tanah secara optima dan meninggikan mutu kehidupan penghuni-penghuni.
- (2) Menambah jumlah tabung pusingan dari \$5 juta kepada \$20 juta untuk setiap Kerajaan Negeri bagi membolehkan mereka membiayai kerja-kerja awal seperti pengambilan tanah, penyediaan tapak dan pembangunan infrastruktur.
- (3) Menubuhkan satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri di tiap-tiap negeri yang akan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan skim perumahan awam kos rendah.
- (4) Mensyaratkan sektor swasta mengkhaskan antara 30% dengan 50% dari unit perumahan yang dimajukan untuk rumah kos rendah mengikut konsep kondominium. Bagi memastikan rumah kos rendah ini didapati oleh golongan yang dimatlamatkan Kerajaan akan menyertai pembahagian rumah-rumah tersebut atau dalam keadaan-keadaan tertentu mungkin membelinya untuk dibahagi-bahagikan.
- (5) Memperkenalkan beberapa bentuk sistem binaan secara pasangsiap atau teknik pembinaan moden bagi skim-skim perumahan kos rendah untuk menjimatkan masa dan mengurangkan kos.
- (6) Mempastikan bekalan kewangan yang mencukupi dan aliran kewangan yang licin.
- (7) Mempastikan bekalan bahan-bahan binaan yang mencukupi dan pengedaran yang sempurna.
- (8) Mempastikan bekalan tenaga pekerja-pekerja binaan mahir dan separuh mahir serta kakitangan penyeliaan dan pengurusan yang mencukupi; dan
- (9) Mengecualikan cukai-cukai kastam ke atas import kelengkapan dan jentera serta bahan-bahan binaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditempohkan selama setengah jam.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).

DASAR PERTANIAN NEGARA— PELANCARAN

15. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah Dasar Pertanian Negara akan dilancarkan, dan nyatakan konsep dan isi kandungan dasar ini; sama ada "Land and Agriculture Reform" termasuk dalam dasar ini, dan bagaimanakah dasar ini akan dapat mempermodenkan masyarakat pertanian negara kita, khasnya mempertingkatkan taraf sosial ekonomi dan kualiti kehidupan kaum petani dan nelayan kita.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Dasar Pertanian Negara adalah merupakan perspektif plan yang akan menentukan pembangunan negara dalam usaha-usaha pertanian ke arah tahun 1990 yang akan berteraskan kepada pemodenan serta memperdagangkan sektor pertanian. Dasar ini akan meliputi bidang pengeluaran pertanian dan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negara di samping

meninggikan taraf hidup para petani dan nelayan, menjamin makanan negara yang cukup, mengurangkan kadar import bahan makanan, menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan nilai-nilai pemakanan. Untuk makluman Yang Berhormat Dasar Pertanian Negara sedang dalam perbincangan pihak Jawatankuasa Kabinet. Tarikh pelancaran Dasar ini akan ditentukan apabila ianya telah diluluskan oleh Kabinet.

AHLI-AHLI PARLIMEN/DEWAN UNDANGAN NEGERI BERTUKAR PARTI

16. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada setengah Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri telah melompat dari satu parti ke satu parti lain tanpa membimbangkan perasaan dan harapan rakyat. Sekiranya sedar, sama ada beliau akan mengemukakan satu undang-undang untuk menghalang perbuatan yang memalukan dengan mengkhianati kepercayaan dan keyakinan rakyat agar dapat menghilangkan pandangan rakyat terhadap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebagai sebuah Supermarket dan menjamin kehormatan sistem pilihanraya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Saya sedar bahawa ada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang melompat dari satu parti ke satu parti yang lain. Mereka berbuat demikian atas pendirian masing-masing dan perbuatan mereka itu adalah antara mereka dengan parti yang berkenaan. Saya tidak fikir bahawa dengan tindakan mereka itu rakyat telah memandang Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebagai sebuah 'supermarket'. Itu adalah semata-mata pandangan Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak langsung memberi penghormatan kepada Dewan yang mulia ini serta juga Dewan Undangan Negeri bila beliau mensifatkan Dewan-dewan itu sebagai sebuah 'supermarket'.

Jika kita meneliti soalan asal Ahli Yang Berhormat itu, yang antara lain mengandungi perkataan-perkataan seperti "Pandangan

rakyat terhadap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebagai sebuah supermarket di mana anjing, kucing, babi dan lembu dapat dibeli dan dijual", kita dapati bahawa Ahli Yang Berhormat itu sengaja hendak menjatuhkan maruah Parlimen di negara ini. Soalannya itu mengandungi kata-kata yang tidak sepatutnya datang dari seorang Ahli Dewan yang mulia ini. Saya sedang memikir kemungkinan mengemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua soalan asal Yang Berhormat itu untuk pertimbangan Tuan Yang di-Pertua supaya suatu tindakan yang difikir menasabah dapat diambil terhadapnya mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ini.

DASAR BURUH NEGARA

17. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggubal satu dasar buruh negara yang lebih konkrit dalam menghadapi masalah buruh di negara ini; adakah benar tanpa satu dasar yang konkrit kaum buruh di negara ini tidak tersusun dan teratur; dan nyatakan juga berapakah buruh asing di negara ini dan berapa pula buruh Malaysia yang berhijrah ke negara asing termasuk di Timur Tengah.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun): Adalah menjadi tujuan Kementerian ini untuk menggubal satu Dasar Buruh Negara yang konkrit. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa pada masa ini kita tidak mempunyai satu dasar mengenai buruh. Pada amnya dasar buruh kita pada masa ini bolehlah dicerminkan daripada berbagai-bagai undang-undang buruh yang dikuatkuasakan pada masa ini. Hingga sekarang ini terdapat 13 Undang-undang Buruh yang masing-masing mempunyai tujuan dan peranannya yang tertentu. Antara lain undang-undang ini memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja dengan menyediakan piawai buruh minima serta memberi satu jentera perundingan kepada pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan untuk menyelesaikan masalah mereka dengan majikan. Undang-undang ini juga menjaga hak kebebasan pekerja untuk berkesatuan, serta kebebasan untuk berunding dengan majikan

mereka, dan juga menyediakan jentera bagi menyelesaikan pertikaian di antara pekerja dan majikan. Ia juga memberi perlindungan keselamatan sosial serta menyediakan pampasan atas kemalangan pekerja yang menimpa pekerja. Undang-undang ini adalah sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan pindaan-pindaan yang sewajarnya akan dibuat sesuai dengan keadaan semasa. Oleh itu anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa kaum buruh di negara ini tidak tersusun dan teratur adalah tidak benar.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, adalah sukar untuk memberi bilangan buruh-buruh asing di negara ini kerana perangkaan yang disediakan oleh berbagai-bagai Jabatan Kerajaan masih belum lengkap. Mengenai pekerja-pekerja Malaysia yang berhijrah ke negara-negara asing pula, pemergian mereka adalah dibuat secara bersendirian tanpa merujuk ke Kementerian ini.

PENYELIA-PENYELIA PETANG

18. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan-keadaan rumit dan susah payah Penyelia-penyelia Petang yang tersiar dalam suratkhbar *The New Straits Times* pada 23hb Februari, 1981 dan sama ada beliau sedar tentang janji-janji dalam Dewan ini pada 2 tahun yang lalu bahawa tindakan akan diambil untuk menaikkan gred golongan Penyelia-penyelia Petang itu. Jika ya, bilakah kenaikan gred untuk golongan ini diluluskan dan dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun): Ya. Walau bagaimanapun sepanjang yang diketahui tiada janji yang pernah dibuat di Dewan ini bagi menaikkan gred mereka. Tugas penyelia petang hanyalah sebagai pengawas sahaja dan Guru Besar masih bertanggungjawab tentang pentadbiran sekolah pada keseluruhannya.

GURU UGAMA—LANTIKAN JADI GURU BESAR/PENOLONG KANAN

19. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menerangkan berapakah bilangan Guru-guru Ugama yang cukup syarat telah

dinaikkan pangkatnya menjadi Guru Besar dan Penolong Kanan sama ada di Sekolah Menengah atau Rendah di seluruh negara.

Dato Chan Siang Sun: Setakat ini, jumlah Guru Ugama yang telah dinaikkan pangkatnya menjadi Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah Menengah atau Rendah di seluruh negara adalah seramai empat orang.

PETI UNDI PILIHANRAYA NEGERI SABAH

20. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak beliau telah menjalankan penyiasatan mengenai terjumpanya beberapa peti undi di Pejabat Hutan, Sandakan, Sabah pada 3-4-81 selepas Hari Mengundi dalam pilihanraya Negeri Sabah, jika ya, apakah keputusan siasatan itu; dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Kekecohan mengenai peti undi yang dikatakan dijumpai di Pejabat Hutan, Sandakan, Sabah pada 3-4-1981 adalah kekecohan yang sengaja dilakukan oleh suatu kumpulan orang yang menjadi penyokong sebuah parti politik tertentu. Perkara ini berlaku disebabkan penyokong-penyokong itu tidak berpuashati dengan keputusan pilihanraya dalam mana seorang calon tertentu telah kalah di dalam pilihanraya itu.

Sebenarnya apa yang berlaku ialah bahawa 3 buah peti undi itu disimpan di Pejabat Hutan, iaitu pejabat Pegawai Pengurus Pilihanraya bagi kawasan pilihanraya N. 29 Kuala Kinabatangan kerana Pegawai Pengurus itu kebetulannya adalah juga Pegawai Hutan Daerah Sandakan Utara. Peti undi itu, mengikut peraturan pilihanraya, perlu disimpan oleh Pegawai Pengurus Pilihanraya itu selama 6 bulan selepas pilihanraya dijalankan. Peti-peti undi yang dikunci dan dimeteri ini mengandungi kertas-kertas undi yang telah digunakan berserta dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pilihanraya yang berkenaan. Ianya disimpan untuk tempoh 6 bulan kalau-kalau peti-peti itu diperlukan oleh mana-mana mahkamah di dalam kes

rayuan pilihanrayanya. Kekecohan yang berlaku adalah akibat salah sangka bahawa peti undi itu adalah mengandungi kertas-kertas undi yang tidak dihantar kepada pusat pengiraan. Perkara ini telah dilaporkan kepada pihak Polis dan pihak Polis telah membuat penyiasatan sewajarnya. Ketiga-tiga peti ini sekarang ada di dalam simpanan pihak Polis. Peti-peti undi ini boleh diperiksa sekiranya diperlukan di dalam mana-mana mahkamah bila-bila masa dikehendaki sekiranya ada rayuan pilihanraya bagi bahagian pilihanraya yang berkenaan.

MEMERANGI DADAH

21. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini oleh Malaysia dan negara-negara jirannya dalam memerangi masalah dadah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie). Di dalam melaksanakan usaha-usaha kerjasama di peringkat antarabangsa di bidang memerangi dadah, sama ada dengan negara-negara jiran atau sebaliknya. Malaysia sedia mempunyai dasar bagi mencapai dua matlamat umum seperti berikut:

- (a) Mengadakan serta mengekalkan dialog yang tidak terganggu dengan negara-negara luar di dalam menggubal dasar serta program-program yang menyeluruh, terselaras dan tidak bercanggah secara 'multilateral' dan 'bilateral' seperti Bangsa-bangsa Bersatu, Commonwealth dan ASEAN.
- (b) Mengemaskini, meninggikan serta melengkapkan keupayaan perundangan dan penguatkuasaan di samping melicinkan lagi proses kerjasama dan pertukaran maklumat untuk membenters penganjak-penganjak antarabangsa.

Mengenai usaha-usaha dialog di peringkat antarabangsa ini sukalah saya memberitahu di sini bahawa memandangkan kegigihan serta kepimpinan Malaysia di bidang memerangi

dadah di peringkat antarabangsa negara kita telahpun terpilih untuk menganggotai United Nations Commission on Narcotic Drugs selama 3 tahun mulai bulan Januari 1982. Pemilihan ini adalah mencerminkan peranan aktif yang telah dimainkan oleh Malaysia di forum Bangsa-bangsa Bersatu ini.

Melalui Landasan ini kita telah mendapat sokongan serta kerjasama yang menggalakkan bukan sahaja di dalam menyelesaikan masalah bersama, tetapi juga dalam mendapatkan kesediaan agensi-agensi negara luar berkenaan, berhubung rapat dengan agensi-agensi kita terutama sekali di dalam bidang penguatkuasaan melalui Interpol dan Customs Cooperation Council. Mengenai negara-negara Komanwel pula Malaysia telah dilantik sebagai penyelarar di dalam usaha-usaha pembenterasan penganjak-penganjak dadah di kalangan negara-negara Komanwel di rantau ini (di bawah bidang kuasa Commonwealth Heads of Government Regional Meeting). Telah banyak persefahaman dicapai di bidang perundangan dan penguatkuasaan daripada negara-negara Komanwel di rantau ini.

Melalui ASEAN, dapatlah saya memperkatakan di sini bahawa kerjasama yang positif dan menyeluruh telah tercapai, bukan sahaja di bilik mesyuarat, tetapi juga di dalam pelaksanaan projek-projek bersama di bidang latihan, penyelidikan, operasi dan sebagainya. Adalah menjadi tujuan kita agar program ini dikekalkan sejajar dengan cita-cita kerjasama ASEAN.

Pada hemat saya, kerjasama di peringkat antarabangsa, terutama sekali dengan negara-negara jiran, khususnya di dalam ASEAN, sangatlah berfaedah dan mempunyai taraf pencapaian yang tinggi. Kerjasama yang disebutkan di atas tadi tidaklah dapat kita ukur kejayaannya, melalui pertambahan tangkapan atau sebaliknya, atau pertambahan pengurangan keadaan penagihan, tetapi hendaklah diukur dengan kelicinan serta penyelesaian proses pertukaran maklumat, bantuan teknikal/kepakaran serta kesediaan negara-negara tersebut bersama-sama dengan kita di dalam apa jua program di semua bidang bagi membenters masalah dadah.

KEMALANGAN LOMBONG DI PUCHONG/PERAK

22. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa sejak berlakunya malapetaka lombong di Puchong dan di Perak baru-baru ini, berapa buahkah lombong telah diperiksa dan berapakah di antaranya telah didapati melanggar peraturan serta berapakah diarah dari berhenti operasi dan berapa orangkah majikan dihadapkan ke mahkamah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Berikutan daripada kemalangan-kemalangan lombong di Puchong dan di Perak baru-baru ini, kesemua 727 buah lombong pam kelikir yang terdapat di negara ini telah diperiksa dengan teliti untuk meningkatkan taraf keselamatan di lombong. Daripada jumlah ini, 27 buah lombong telah memberhentikan operasi sama ada disebabkan oleh kegiatan melombong tidak lagi ekonomik atau keadaan fizikal lombong tidak membolehkan lombong mematuhi kehendak keselamatan. Setelah arahan menggantung operasi pengeluaran dikeluarkan, untuk membolehkan pegawai Jabatan Galian menentukan taraf keselamatan di lombong, sebuah lombong telah melanggar arahan dan majikan berkenaan telah dihadapkan ke mahkamah dan didenda sebanyak \$4,000.

HIJACK DI LAPANGAN TERBANG DI MALAYSIA

23. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjamin keselamatan maksima bagi mengelakkan dari berlakunya apa-apa "hijack" di lapangan-lapangan terbang di Malaysia.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Kerajaan sentiasa mengambil berat bagi memastikan bahawa keselamatan di lapangan-lapangan terbang sentiasa diperketatkan untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku. Bagi tujuan tersebut langkah-langkah berikut ini telahpun dijalankan:

- (a) Segala pintu-pintu masuk ke bahagian airside adalah dikawal dengan ketat oleh anggota-anggota keselamatan.

Hanya pekerja-pekerja atau pelawat-pelawat yang mempunyai pas keselamatan lapangan terbang sahaja dibenarkan masuk;

- (b) Penumpang-penumpang yang hendak menaiki kapal terbang akan diperiksa bersama-sama dengan beg-beg dan barang-barang yang dibawa beserta dengannya. Beg-beg yang besar yang tidak dibawa naik bersama ke lapangan terbang juga diperiksa. Jabatan Penerbangan Awam kini menggunakan alat-alat "x-ray" dan "walk-through metal detector" di semua lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa dan adalah dijangka menjelang akhir tahun ini, semua lapangan terbang yang berjadual akan dilengkapi dengan alat-alat "x-ray" dan "walk-through metal detector" ini;
- (c) Jabatan Penerbangan Awam mempunyai beberapa buah kereta ronda bagi menjalankan rondaan di kawasan "airside". Pasukan Perkhidmatan Keselamatan, Jabatan Penerbangan Awam juga bekerja rapat dengan pihak polis, syarikat-syarikat penerbangan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk memastikan ko-kordinasi di lapangan-lapangan terbang tersebut berjalan dengan baik;
- (d) Semua kawasan lapangan terbang adalah dilengkapi dengan pagar keselamatan setinggi 7½ kaki yang mempunyai dawai berduri tiga lapis di atasnya;
- (e) Di samping kawalan keselamatan yang diadakan oleh Jabatan Penerbangan Awam, pihak MAS juga mempunyai pasukan keselamatannya sendiri bagi menjalankan tugas-tugas keselamatan tertentu.

PILIHANRAYA UMUM

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan faktor utama yang membawa pada akhir-akhir ini Pilihanraya Umum diadakan lebih awal dari jangka masa lima tahun (walaupun tidak

bertentangan dengan Perlembagaan) dan sama ada Pilihanraya Umum yang akan datang akan juga diadakan pada suatu masa kurang daripada tempoh lima tahun atau sebaliknya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Mengikuti Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan-perlembagaan Negeri-negeri di dalam Malaysia, pilihanraya umum hendaklah diadakan tiap-tiap sekali di dalam masa 5 tahun. Walau bagaimanapun, pilihanraya umum boleh diadakan lebih awal setelah Dewan Rakyat atau Dewan-dewan Undangan Negeri dibubarkan. Pembubaran adalah dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Dewan Rakyat dan oleh Raja-Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Dewan-dewan Undangan Negeri atas nasihat Perdana Menteri atau Menteri Besar atau Ketua Menteri mengikut mana yang berkenaan. Misalnya sekiranya sesebuah kerajaan negeri yang didokong oleh mana-mana parti politik tidak hendak meneruskan pemerintahan hingga kepada tempoh maksima selama 5 tahun, maka itu adalah haknya dan tidaklah ia perlu memberi apa-apa sebab mengenainya. Ini bermakna pilihanraya yang diawalkan sebelum tamat tempoh yang maksima adalah bergantung kepada pembubaran Dewan Rakyat atau pembubaran mana-mana Dewan Undangan Negeri yang berkenaan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

POKOK-POKOK POPPY/GANJA— MENGHAPUSKAN PENANAMAN

25. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh beliau untuk memusnahkan pokok-pokok dan seterusnya menghapuskan penanaman pokok-pokok yang menghasilkan dadah yang terdapat di negara-negara ASEAN.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Usaha-usaha menghapuskan pokok-pokok yang mengeluarkan dadah bolehlah dibahagikan kepada 2 kategori:

- (a) Pokok-pokok poppy yang menghasilkan dadah narkotik,
- (b) Pokok-pokok ganja.

Di rantau ASEAN, pokok-pokok poppy hanya terdapat di kawasan pergunungan Barat Laut Negara Thailand yang merupakan sebahagian daripada apa yang dipanggil 'Golden Triangle' yang merangkumi negara-negara Burma, Laos dan Thailand.

Di kawasan ini Kerajaan Thailand dengan bantuan dan kerjasama Bangsa-bangsa Bersatu telah melaksanakan rancangan tanaman gantian (crop replacement scheme) yang melibatkan petani-petani di situ (yang secara tradisi menanam pokok-pokok poppy sebagai punca pendapatan) mengusahakan tanaman-tanaman yang lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Adalah didapati rancangan-rancangan sedemikian bukan sahaja melibatkan Thailand tetapi negara-negara lain, telah mula mencapai faedahnya di mana dadah yang diedar telah mula berkurangan. Walau bagaimanapun, di sebahagian kawasan di "Golden Triangle" di mana penguatkuasaan undang-undang serta kedaulatan pemerintahan tidak ada, penanaman pokok-pokok poppy masih berleluasa dan inilah yang menjadi masalah yang kita hadapi sekarang.

Mengenai pokok-pokok ganja pula, agensi-agensi penguatkuasaan kita sentiasa menyiasat serta melaksanakan operasi-operasi terhadap penanaman serta pengedaran ganja di negeri ini. Rampasan bagi ganja termasuk pokok oleh pihak Polis dan Kastam setakat ini adalah seperti berikut:

Tahun	Polis (gram) Kastam (kilogram)		
	Kering + Pokok	Kering	Pokok
1970 ..	23.64	1,392.795	4.418
1971 ..	2,353.05	1,181.259	10.191
1972 ..	453.91	828.175	5.621
1973 ..	69.32	787.705	7.416
1974 ..	213.65	42.351	2.232
1975 ..	306.45	52.071	84.757
1976 ..	50.76	60.121	7.240
1977 ..	51.54	97.897	2.492
1978 ..	59.16	55.822	39.411
1979 ..	72.42	31.391	3.735
1980 ..	80,200.389	36.502	2.280

MALAYSIA MENJADI PEMASANG KAPAL TERBANG

26. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kedudukan Malaysia di tengah-tengah kawasan Asia Tenggara yang mempunyai harapan yang baik; adakah langkah-langkah telah diambil untuk menjadikan Malaysia kawasan untuk mengendali, memasang kapal terbang, servicing dan membuat alat ganti.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Dalam peringkat pembangunan negara paa masa ini, Malaysia belum berkemampuan untuk memasang kapal-kapal terbang, memandangkan kemahiran dan ekonomi skel yang diperlukan untuk pengilangan komponen-komponen. Seterusnya kadar peningkatan teknologi dan keusangan yang pesat membuatkan projek ini lebih tidak 'viable'. Walau bagaimanapun, Depoh Baik Pulih Injin (Engine Overhaul Depot) di Subang, di bawah Kementerian Pertahanan yang pada masa ini memberikan perkhidmatan-perkhidmatan baik pulih kepada Angkatan Tentera Di Raja Malaysia, juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang berharga kepada MAS.

MENGEDAR/MEMILIKI DADAH— HUKUMAN

27. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapakah orang, setakat ini, yang telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati kerana mengedar dadah;
- (ii) berapakah jumlah rakyat Malaysia, setakat ini, yang telah ditahan di dalam dan di luar negeri kerana memiliki dadah;
- (iii) daripada jumlah mereka yang ditangkap dan ditahan di seluruh negara kerana kesalahan dadah, berapakah jumlah kakitangan Kerajaan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (i) Semenjak Akta Dadah Merbahaya 1950 dipinda pada tahun 1975 untuk mengenakan hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah seramai 15 orang telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati seperti berikut:

1979.. .. .	4 orang
1980.. .. .	10 orang
1981 April .. .	1 orang
	—
Jumlah .. .	15 orang
	—

Dari jumlah ini, seorang (yang hukumannya dijatuhkan dalam tahun 1979) telahpun digantung.

- (ii) Jumlah mereka yang ditangkap di dalam negeri semenjak tahun 1975 hingga ke bulan Mei tahun ini oleh Jabatan Polis Di Raja adalah seperti berikut:

1975.. .. .	3,112
1976.. .. .	4,981
1977.. .. .	5,474
1978.. .. .	6,594
1979.. .. .	5,469
1980.. .. .	5,368
1981 Mei .. .	3,179
	—
Jumlah .. .	34,377
	—

Jumlah rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negeri kerana memiliki dadah adalah seramai 1,392 orang. Kebanyakannya ditangkap di Singapura, Negeri Belanda, Jerman Barat dan beberapa negara-negara Eropah yang lain.

- (iii) Daripada jumlah mereka yang ditangkap dan ditahan di seluruh negara kerana kesalahan dadah sejak tahun 1979 bilangan kakitangan

Kerajaan yang terlibat adalah seperti berikut:

1979	128
1980	163
1981 Mei	86
<hr/>	
Jumlah ..	427
<hr/>	

KEMALANGAN LOMBONG

28. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, memandangkan tragedi bencana tanah lombong runtuh sejak tiga tahun kebelakangan ini, berapakah bilangan lombong yang telah runtuh, bilangan nyawa yang telah terkorban dan sebab-sebab utama berlakunya serta apakah langkah untuk mencegahnya daripada berlaku lagi.

Dato Paul Leong Khee Seong: Semenjak tiga tahun yang lalu, sebanyak 53 kemalangan lombong telah berlaku mengakibatkan 30 nyawa terkorban.

Kemalangan-kemalangan yang berlaku itu adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kejadian tanah runtuh akibat keadaan permukaan tanah tidak stabil, di lombong jenis pam kelikir. Untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan daripada berlaku lagi di masa akan datang, Kementerian saya telah mengarahkan Jabatan galian supaya meningkatkan lagi taraf dan keperluan keselamatan di lombong-lombong, dan mengetatkan kawalan khasnya mengenai pematuhan undang-undang mengenai keselamatan lombong. Sebagai satu langkah jangka panjang, saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Mengkaji Kemalangan Lombong untuk menentukan sebab-sebab berlaku kemalangan dan mengadakan langkah-langkah bagi mengatasinya.

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD—SAMBUTAN

29. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar sejak Amanah Saham Nasional Berhad dilancarkan, ianya telah mendapat sambutan yang sungguh

menggalakkan daripada Bumiputra; jika sedar,

- berapa ramaikah Bumiputra yang telah melabur dengan Amanah Saham Nasional Berhad mengikut negeri-negeri; dan
- berapa banyakkah jumlah saham yang telah dijual.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab soalan ini pada 8hb Jun, 1981 bila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

INDIAN OCEAN COMMONWEALTH SUBMARINE CABLE SYSTEM

30. Puan Yong Fatimah binti Mohd Razali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- butir-butir perjanjian yang telah dipersetujui antara Malaysia dan negara-negara yang berkenaan dalam usahanya menubuhkan IOCOM (Indian Ocean Commonwealth Submarine Cable System);
- selain daripada negara-negara yang berkenaan, sama ada terdapat negara-negara lain yang berminat untuk menyertai projek ini masa hadapan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa dengan secara ringkasnya, persetujuan yang telah dicapai di antara Malaysia dengan 7 buah negara Komanwel yang lain ialah untuk mengadakan satu sistem kabel dasar laut di antara Kuala Muda dan Madras untuk menampung 480 litar telefon. Peratus pelaburan dalam projek ini di peringkat awal adalah seperti berikut:

India	47.5%
Malaysia	31.97802%
Britain	9.02198%

Australia	4.0%
Singapura	3.0%
Sri Lanka	2.5%
Kanada	2.0%

Apabila caruman modal dari pihak Amerika Syarikat sebanyak 13.75% diterima kelak, maka peratus pelaburan Malaysia dan Britain akan diturunkan ke paras matlamatnya seperti berikut:

Malaysia	21.25%
Britain	6.00%

Satu Jawatankuasa Pengurusan Kabel IOCOM yang terdiri dari semua negara-negara Komanwel yang melabur dalam projek ini telah ditubuhkan untuk merumuskan dasar-dasar dan tatacara-tatacara berkaitan dengan pengendalian dan penyelenggaraan kabel ini termasuk kadar sewaan dan tarif penggunaan litar-litar ke negara asing.

(b) Penyertaan negara-negara lain dalam projek ini di masa hadapan dapat dibuat secara pembelian litar-litar atas dasar 'Indefeasible Right of User' (IRU). Amerika Syarikat masih menunggu kelulusan dari Kerajaannya untuk pembelian IRU, manakala Jepun dan Filipina telah menunjukkan minat untuk membeli IRU di masa hadapan.

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

31. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang mengembalikan Taraf Pelabuhan Bebas (free-port status) yang bertradisi bagi Negeri Pulau Pinang. Jika ya, bila dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Soalan ini telah beberapa kali dibangkit dalam Dewan ini. Saya suka menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengembalikan taraf Pelabuhan Bebas kepada Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang telah dimasukkan ke dalam Kawasan Utama

bagi menyelaraskan (harmonise) percukaian di negeri itu dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan ekonomi negeri Pulau Pinang. Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah penubuhan zon Perdagangan Bebas, Kedai-kedai Bebas Cukai dan juga memberi galakan fizikal kepada hotel-hotel bertaraf antarabangsa didirikan di Pulau Pinang. Segala tindakan ini di ambil supaya Pulau Pinang dapat berkembang dengan pesatnya.

HARGA GULA DITURUNKAN

32. Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan harga gula di pasaran dunia sudah mulai turun, adakah pihak Kerajaan akan menurunkan semula harga gula yang sedia ada sekarang sebanyak \$1.05 sen sekati kepada harga yang lebih murah dari itu.

Dato Lew Sip Hon: Soalan ini adalah hampir sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam di mana jawapannya telah diberi. Saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa tambahan.

PEGAWAI RTM BERKURSUS KE AMERIKA SYARIKAT

33. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Penerangan menyatakan berapa ramaikah kakitangan RTM yang dihantar mengikuti kursus dalam perkhidmatan ke Amerika Syarikat dalam lima tahun yang lepas serta apakah bidang kursus yang diambilnya.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Dalam masa lima tahun yang lepas sejumlah 7 orang pegawai RTM telah dihantar mengikuti kursus di Amerika Syarikat. Bidang-bidang yang diliputi oleh pegawai-pegawai ini adalah seperti berikut:

- (a) Master of Science Radio-Television.
- (b) Professional Diploma in Music.
- (c) Master of Art in TV & Drama.

- (d) Master in Mass Communications.
- (e) Master in Mass Communications.
- (f) Kursus Pengurusan Kewartawanan.
- (g) Professional Diploma in Music.

PESAKIT-PESAKIT KE HOSPITAL BESAR JOHOR BHARU

34. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pesakit-pesakit dari hospital Kluang yang dihantar ke Hospital Besar Johor Bharu dalam tahun 1979, 1980 dan sehingga April 1981, bilangan kematian 'on arrival' dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Bilangan pesakit-pesakit yang dihantar dari Hospital Kluang ke Hospital Besar Johor Bharu bagi tahun 1979 ialah 2010 orang dengan bilangan kematian 'on arrival' seramai 5 kes.

Bagi tahun 1980 pula, 1468 orang pesakit telah dihantar dengan 1 kes kematian 'on arrival'. Sehingga April 1981, bilangan pesakit yang dihantar ialah 632 orang dengan tiada kes kematian.

Bagi mengatasi masalah kematian 'on arrival' ini Kementerian bercadang untuk menempatkan Doktor-doktor Pakar seperti Pakar Bedah, Doktor Pakar Perubatan, Pakar Perbidanan dan Sakitpuan dan Pakar Bius di Hospital Daerah Kluang apabila pakar-pakar tersebut kedapatan, supaya kes-kes kecemasan atau tenat boleh diuruskan tanpa dihantar ke Hospital Besar Johor Bharu.

BILANGAN PENGUNDI-PENGUNDI

35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan dari jumlah 5.6 juta pengundi-pengundi di negara ini sekarang apakah angka pecahannya menurut kaum dan jumlah bilangan pengundi mengikut kaum bagi tahun 1965 dan 1959 (bagi Semenanjung Malaysia sahaja).

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk maklum Yang Berhormat itu soalan seperti itu telah dikemukakan tiap-tiap kali persidangan Dewan Rakyat diadakan dan telah tiap-tiap kali dijawab bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak menyediakan angka pecahan pemilih menurut kaum. Ia hanya menyediakan senarai pengundi mengikut apa yang difikirkan sesuai untuk perjalanan pilihanraya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin juga mendapat pecahan-pecahan kaum dari jumlah 5.6 juta pengundi di negara ini, ia bolehlah dibuat dengan membeli daftar pemilih dari Suruhanjaya Pilihanraya dan berusaha sendiri untuk mengadakan pecahan-pecahan kaum jika ini difikirkan berfaedah.

SISTEM KAWALAN PERUNDANGAN KESELAMATAN

36. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Jabatan Perdana Menteri adalah Jabatan yang menjadi kunci segala rahsia Kerajaan Malaysia. Tetapi malangnya ada rahsia-rahsia yang telah diketahui dahulu oleh orang luar dan di antara rahsia itu ada yang disiarkan dalam akhbar-akhbar, misalnya ura-ura Perdana Menteri hendak meletak jawatan dan lain-lain. Jika sedar apakah tindakan Kerajaan terhadap rahsia-rahsia yang dibocorkan itu dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal rahsia-rahsia supaya tidak dibocorkan oleh orang yang bertanggungjawab.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Pada masa ini Kerajaan telah mempunyai jentera yang berkesan bagi menjamin supaya rahsia-rahsia Kerajaan tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab atau tidak dibenarkan mengurus dan melihatnya.

Kita haruslah sedar bahawa tidak ada mana-mana satu sistem Kawalan Perlindungan Keselamatan boleh menjamin keselamatan rahsia-rahsia kerajaan dengan seratus peratus. Menyedari hakikat ini, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia telahpun disusun semula dan akan disusun dari masa ke semasa

berdasarkan kepada keadaan keselamatan semasa, baik di dalam mahupun di luar negara.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kewujudan Akta Rahsia Rasmi Tahun 1972 adalah terutama sekali bertujuan untuk menahan supaya perkara-perkara Terperingkat tidak terjatuh ke tangan orang tidak berhak mendapatkannya dan di samping itu bertujuan untuk mencegah kelalaian di dalam mengendalikan perkara-perkara terperingkat. Peristiwa-peristiwa yang berlaku baru-baru ini dan beberapa tahun yang lampau, dengan jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak teragak-agak menggunakan undang-undang ini; tanpa mengambil kira pangkat dan kedudukan yang terlibat.

Berhubung dengan ura-ura Y.A.B. Perdana Menteri hendak meletakkan jawatan, adalah didapati bahawa tidak ada mana-mana pegawai dan kakitangan di Jabatan Perdana Menteri yang melakukan kesalahan dengan membocorkan rahsia ini. Dalam hal ini sukacita dijelaskan di sini bahawa kerajaan tidaklah boleh menahan orang ramai ataupun pihak akhbar daripada membuat spekulasi berhubung dengan satu-satu perkara yang menjadi issue semasa dan ini termasuklah issue perletakan jawatan Y.A.B. Perdana Menteri yang mana telah diketahui umum bahawa keadaan kesihatannya tidak mengizinkan beliau meneruskan tugas-tugas berat negara.

Oleh hal yang demikian, kerajaan berpendapat sistem dan langkah-langkah Kawalan Perlindungan Keselamatan semasa yang diambil oleh Jabatan Perdana Menteri dan Agensi-agensi Kerajaan adalah berjalan dengan baik dan memuaskan.

KEMALANGAN LOMBONG— PENYIASATAN

37. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahan Utama menyatakan sama ada siasatan-siasatan ke dalam bencana perlombongan yang berlaku pada bulan Mac tahun ini di Puchong dan Kampar telah siap, dan jika ya, sila umumkan hasil siasatan

tersebut dan apakah tindakan Kementerianya telah ambil untuk mengelak berlakunya kejadian tanah runtuh lombong yang menyebabkan kehilangan nyawa manusia.

Dato Paul Leong Khee Seong: Selepas berlakunya kemalangan-kemalangan lombong pada penghujung bulan Mac lalu, dua jenis penyiasatan telah diadakan iaitu:

- (1) Penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Galian di bawah Undang-undang Galian, Bab 147 untuk menentukan sebab sesuatu kemalangan itu berlaku. Dalam hal ini, Merinyu Galian Kanan (Wilayah Selatan) akan memulakan satu penyiasatan terbuka bagi kemalangan yang berlaku di Capitol Mining Sdn Bhd, pada 17, 18, dan 19hb Jun 1981.
- (2) Penyiasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Mengkaji Kemalangan Lombong yang ditubuhkan oleh saya dan diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya untuk menentukan sebab-sebab kemalangan berlaku dan mengadakan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Kedua-dua jenis penyiasatan di atas sedang berjalan dan hasilnya akan diketahui setelah kerja-kerja yang terlibat selesai dijalankan.

Mengenai langkah-langkah untuk memastikan keselamatan para pekerja serta orang awam di semua lombong, saya suka memaklumkan bahawa Jabatan Galian telah diarah untuk meningkatkan taraf dan keperluan keselamatan di lombong-lombong dan mengetatkan lagi kawalan ke atas lombong-lombong. Jabatan Galian juga telah diarah untuk memeriksa dengan teliti semua lombong pam kelikir di seluruh negara. Hasil daripada pemeriksaan ini adalah, daripada 727 buah lombong pam kelikir, 672 buah didapati boleh berjalan seperti biasa, 28 buah memerlukan peningkatan taraf keselamatannya dan 27 buah telah memberhentikan kegiatan melombong kerana usaha melombong tidak ekonomik lagi atau keadaan fizikal di lombong tidak membolehkan ianya menepati kehendak undang-undang.

LATIHAN 'MANOEUVRE' TENTERA LAUT

38. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Pertahanan menyatakan selain daripada beberapa Latihan Gonzales yang telah diadakan bagi tentera darat, bilakah Kementerian bercadang hendak mengadakan latihan 'manoeuvre' bagi tentera-tentera laut pula yang bukan sahaja akan memberikan kecekapan dan kemahiran kepada angkatan laut kita, bahkan kita akan dapat juga menggerunkan pihak-pihak musuh.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Latihan-latihan yang diadakan dari masa ke semasa tidak hanya ditumpukan kepada pasukan tentera darat sahaja tetapi juga meliputi ketiga-tiga pasukan Angkatan Tentera kita iaitu Darat, Laut dan Udara.

Dalam rangka meningkatkan lagi taraf kecekapan Angkatan Tentera Laut kita, TLDM sentiasa mengadakan latihan laut di antara sama sendiri dan juga bersama Tentera Laut asing. Ini adalah untuk mempraktikkan segala pengetahuan profesionalisma yang telah dipelajari di darat. Sepanjang tahun 1980 beberapa latihan telahpun diadakan oleh Angkatan Tentera Laut kita iaitu seperti latihan-latihan biasa, latihan pendaratan Komando, menangkis serangan udara, penembakan Peluru berpandu di mana latihan-latihan ini semua adalah dijalankan di antara Pasukan sendiri. TLDM juga tidak ketinggalan mengadakan latihan-latihan dua hala dengan negara-negara jiran seperti latihan Thalay Laut I iaitu latihan bersama antara Tentera Laut Thai/Malaysia; Latihan Mini Malindo iaitu di antara Tentera Laut Indonesia/Malaysia dan latihan PASSEX dengan Tentera Laut Di Raja Australia. Di samping itu, TLDM juga turut sama terlibat di dalam latihan Gonzales V bersama dengan tentera darat.

Adalah dijangka beberapa latihan lagi akan dijalankan sehingga akhir tahun ini.

Tentera Laut Di Raja Malaysia akan sentiasa mengadakan latihan-latihan seperti yang dinyatakan tadi untuk mengekal dan meningkatkan lagi taraf kecekapan.

INDUSTRI INSURAN

39. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kadar harga insuran dikenakan oleh syarikat-syarikat insuran ke atas kereta sewa, bas, lori dan lain-lain kenderaan awam boleh dikurangkan sama seperti kurangnya harga lesen pengangkutan (road tax) seperti dibuatkan oleh Kerajaan dalam tahun 1980 dahulu. Bukankah kadar harga insuran yang ada sekarang ini boleh menjejaskan dan membebankan pengusaha-pengusaha ini, dan bukankah ianya juga menyusahkan rakyat jelata terutamanya yang berpendapatan kecil yang sentiasa menggunakan kemudahan tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perniagaan insuran dijalankan oleh sektor swasta dan dengan sebab itu kadar premium yang dikenakan oleh penginsuran seharusnya mengambil kira faktor-faktor tertentu seperti tuntutan-tuntutan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat-syarikat insuran. Perniagaan insuran motor di negara ini tidak begitu menguntungkan. Misalnya, dalam tahun 1979, industri insuran mengalami jumlah tuntutan sebanyak \$133.1 juta berbanding dengan premium yang diperolehi berjumlah \$193.7 juta bagi insuran motor. (Ini bererti bahawa bagi setiap ringgit premium yang diperolehi, penginsuran harus membayar 0.68 untuk tuntutan). Tambahan pula, penginsuran juga harus membayar komisyen dan menanggung perbelanjaan pengurusan yang selanjutnya menaikkan kos insuran motor.

Kerugian jelas kelihatan bagi jenis kenderaan awam seperti teksi, bas dan lori. Dengan yang demikian, tidak mungkin kadar premium yang dikenakan atas kenderaan ini dapat dikurangkan. Kadar premium yang masih dikenakan oleh syarikat-syarikat insuran bukanlah menjadi kos utama dalam mengendalikan kenderaan awam. Terdapat lain-lain kos asas seperti kos minyak petrol, kos tenaga dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Perkara yang disebutkan kemudian ini adalah sama pentingnya, jika tidak lebih penting, dan diambil berat oleh

pengendali kenderaan awam. Sewajarnya elok diambil perhatian bahawa kos insuran semata-mata tidak menimbulkan kesan yang mendalam ke atas orang awam yang sanggup membayar tambang teksi yang lebih tinggi. Pihak kerajaan sedang mengawasi sektor insuran motor dengan lebih teliti dengan tujuan mengawal kadar premium yang tidak menasabah dikenakan dan seterusnya memelihara kepentingan orang awam.

PEKERJA PENDATANG HARAM

40. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah pekerja-pekerja pendatang haram di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi tahun-tahun 1976, 1977, 1978, 1979 dan 1980 dan sejauh manakah mereka memberi kesan terhadap peluang-peluang pekerjaan rakyat Malaysia serta masalah-masalah sosial yang timbul di negara ini dan akhirnya apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Dato Richard Ho Ung Hun: Buat masa ini tidak ada perangkaan yang didapati mengenai pendatang-pendatang haram yang bekerja di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang berunding dengan berbagai-bagai Kementerian-kementerian yang berkaitan untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah ini.

SIMPANAN LUAR MALAYSIA (FOREIGN RESERVES)

41. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan yang simpanan luar Malaysia (Foreign Reserves) begitu tinggi jika dibandingkan dengan bayaran import bulanan Malaysia, sama ada Kerajaan bercadang melaburkan sebahagian daripada wang ini ke dalam perindustrian berat yang menggunakan teknologi moden.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama pemegangan pertukaran wang asing ialah untuk menstabilkan pendapatan eksport yang seringkali turun naik akibat dari perubahan dalam harga-harga barangan. Langkah ini ternyata menguntungkan kerana negara kita sentiasa mempunyai pertukaran

wang asing yang cukup untuk menampung pembayaran ke luar negeri. Di samping itu, tingkat cadangan antarabangsa yang memuaskan telah membolehkan negara kita mengekalkan regim kawalan pertukaran asing yang liberal, mnggalakkan keyakinan antarabangsa ke atas kedudukan ekonomi dan ringgit Malaysia serta membolehkan kita menikmati kedudukan kredit yang tinggi di pasaran modal antarabangsa. Pelaburan dalam bentuk cadangan antarabangsa ini juga telah menghasilkan aliran pendapatan yang tetap kepada negara dengan jumlah yang agak besar. Seterusnya sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa negara kita adalah bernasib baik kerana dapat mengekalkan tingkat cadangan pertukaran wang asing yang memuaskan dan pada masa yang sama dapat pula menjamin pembiayaan industri berat dibiayai terutamanya oleh sektor swasta dari dalam dan luar negeri. Berasaskan kepada faktor-faktor ini, adalah dirasakan buat masa sekarang, Kerajaan tidak perlu melaburkan sebahagian daripada cadangan antarabangsa ke dalam industri berat seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan telahpun menubuh sebuah perbadanan perusahaan berat yang diberi nama dalam Bahasa Inggeris "Heavy Industries Corporation of Malaysia Bhd" atau HICOM. Perbadanan ini akan melabur di dalam perusahaan berat yang tertentu dari masa ke semasa.

KONTRAKTOR BUMIPUTRA

42. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa adanya usaha-usaha Badan Kewangan tertentu di negeri ini untuk melumpuhkan pemborong-pemborong bumiputra yang menggunakan jentera-jentera berat, dengan cara mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap pemborong-pemborong yang membuat sewa beli ke atas jentera yang dibeli oleh mereka.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Setakat ini Kerajaan tidak menerima apa-apa aduan dari kontraktor-kontraktor bumiputra terhadap apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun,

sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti terhadap apa yang dinyatakan sila beritahu Kementerian saya dengan segera untuk diambil tindakan selanjutnya.

MERIAM 155 MM—PEMBELIAN

43. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah keputusan dibuat oleh Kerajaan untuk membeli 30 buah "155 mm gun howitzers", tarikh tawaran-tawaran dipelawa, nama pembuat-pembuat yang disenarai—pendekkan dengan memberikan jenis dan harga alat-alat tersebut dan sama ada pemilihan terakhir penender yang berjaya telah dibuat, dan jika ya, beri sebab-sebab.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Keputusan untuk membeli Meriam 155 mm telah dibuat berasaskan 'regimental basis' dalam tahun 1976. Selepas keputusan ini dibuat, satu 'market survey' dan penilaian kertas telah dijalankan untuk mencari meriam-meriam yang sesuai bagi Angkatan Tentera kita. Penilaian kertas telah dibuat atas meriam-meriam seperti berikut:

- (a) Danish 135 mm Tempella.
- (b) German 155 mm FH 155 L.
- (c) American 155 mm 114 A1.
- (d) Russian 130 mm M46.

Walau bagaimanapun, meriam-meriam yang tersebut di atas adalah dianggapkan 'old generation' dan akan menjadi 'obsolete'. Oleh yang demikian, satu kajian atas meriam-meriam yang paling moden dan didarjahkan 'third generation' telah dijalankan. Penilaian medan (field evaluation) atas meriam-meriam itu telahpun dibuat dalam tahun 1977 sehingga Mei, 1980. Meriam-meriam ini adalah seperti berikut:

- (a) Anglo-German-Italian 155 mm FH 70.
- (b) Swedish 155 mm FH 77.
- (c) Canadian 155 mm GC 45.
- (d) American 155 mm M 198.

Laporan-laporan yang lengkap atas penilaian itu telahpun disediakan dan sedang dikaji. Setakat ini tiada sebarang tawaran

dipelawa dan juga keputusan untuk disenarai-pendekkan belum dibuat lagi. Oleh kerana tawaran-tawaran belum dipelawa lagi, maka harga meriam itu tidak dapat ditentukan.

Persidangan ditempokkan pada pukul 3.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.17 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG WILAYAH PERSEKUTUAN (PERKIRAAN KEWANGAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membenarkan pembayaran dibuat oleh Persekutuan pada Negeri Selangor mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Di Raja 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Jun, 1981)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menyambung semula perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan). Yang Berhormat dari Setapak.

4.19 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981.

Walaupun pindaan Akta ini cuma untuk hendak memberi kuatkuasa kepada pihak yang berkuasa mengambil tindakan kepada kenderaan berat menggunakan jalanraya yang belum diisytiharkan lagi sebagai jalanraya, perkara Akta Lalulintas ini banyak kaitannya dengan keadaan masyarakat terutama sekali dalam negara kita yang sedang membangun.

Kita semua sedia maklum bahawa negara kita telah diperintah oleh penjajah lebih kurang beratus tahun dan sistem penjajahan mengadakan jalanraya zaman mereka memerintah dahulu amatlah tidak tersusun dan tidak memikirkan serba sedikit ataupun sama sekali masalah keselamatan penduduk-penduduk terutamanya sekali yang tinggal berdekatan dengan jalanraya. Kalau kita bandingkan sistem jalanraya yang ada di dalam negara kita ini walaupun telah diperbesar, walaupun telah diperkemaskan oleh Kerajaan kita sejak kita merdeka tetapi masih banyak lagi sistem-sistem itu terikut-terikut sistem lama yang pernah dijalankan oleh pihak penjajah. Maka sebab itulah saya menyeru kepada pihak Kerajaan meminta oleh sebab sekarang ini Kerajaan kita akan membelanjakan beratus-beratus ribu juta

ataupun billion untuk mengadakan jalanraya daripada utara ke selatan dan daripada timur ke barat.

Saya memohon kepada pihak yang berkenaan iaitu hendaklah membuat satu kajian yang tertentu supaya pembinaan jalanraya ini sungguh akan memberi menafaat dan boleh digunakan sistem itu sendiri untuk jangka panjang. Janganlah semata-mata mewujudkan jalanraya ini tanpa memikirkan pembangunan yang berlaku, yang berikutan dengan adanya jalanraya itu kelak dan saya tidak mahulah Dewan yang mulia ini dari masa ke semasa mengadakan ataupun meminda Ordinan Lalulintas Jalanraya mengikut keadaan tanpa sebarang rancangan awal diadakan oleh pihak Kerajaan sendiri.

Sebagai contoh, kita ambil jalan lebuhraya antara Kuala Lumpur ke Seremban, baru sahaja jalan itu siap, kita lihat oleh sebab tiada satu undang-undang yang terkawal mengenai keselamatan ataupun kedudukan jalanraya itu sendiri beberapa banyak tempat-tempat berniaga secara halal ataupun tidak halal wujud di tepi-tepi lebuhraya tersebut.

Saya teringat pada tahun yang lepas saya telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan mewujudkan tempat perniagaan yang tersusun supaya kenderaan untuk orang ramai boleh berhenti masuk dalam pada satu kawasan terutama sekali apabila mereka menggunakan lebuhraya tetapi jaminan yang telah diberi oleh Menteri yang berkenaan tidak berjalan terus dan saya lihat sekarang ini lebuhraya itu keadaannya sama seperti jalanraya biasa iaitu yang mana kedai-kedai menjalankan perniagaan di tepi-tepi lebuhraya itu sendiri dan kita semua sedia maklum apabila kenderaan berjalan di atas lebuhraya, lajunya adalah bertambah daripada perjalanan biasa. Maka sebab itulah kita lihat beberapa kemalangan yang berlaku di lebuhraya itu sendiri. Sepatutnya di kawasan lebuhraya itulah satu kawasan perjalanan yang paling selamat dan jarang berlaku kemalangan apabila kita bandingkan laporan-laporan yang kita lihat di jalan-jalan lebuhraya (highways) atau autobahn ataupun di mana-mana juga di negara-negara barat di

mana-mana keadaan lebuhraya mereka itu sungguh tersusun dan sungguh aman untuk mereka yang membawa kenderaan dan ada tempat yang tertentu untuk mereka berhenti rehat, untuk mereka hendak makan minum ataupun untuk kereta itu mengisi minyak dan sebagainya. Inilah yang saya kehendaki supaya rancangan Kerajaan membina lebuhraya pada masa akan datang hendaklah lebih tersusun dan lebih elok dan memberi ketenteraman kepada orang ramai.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat jalan-jalan lama yang ada dalam negara kita ini tiada satu undang-undang yang memberi keselamatan kepada penduduk-penduduk di luar bandar terutamanya sekali apabila jalan-jalan ini melalui pekan-pekan kecil dan kampung-kampung, tiada satu tanda ataupun tiada satu amaran khas diletakkan terus terang untuk keselamatan penduduk-penduduk tempatan di kawasan tersebut.

Dalam perkara ini, suka saya mencadangkan di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan-kawasan kampung yang mana jalan besar melalui kawasan tersebut hendaklah Kerajaan membina pagar di kawasan-kawasan pekan-pekan kecil tersebut supaya keselamatan penduduk-penduduk tempatan itu terjamin ataupun diubah jalan-jalan tersebut supaya jalan itu menjadi jalan susur dan diadakan satu jalan lain di mana kenderaan berat tidak mustahak melalui kawasan-kawasan kecil ataupun pekan-pekan kecil seperti yang sedang berlaku sekarang ini diadakan di pekan Semenyih yang mana mereka tidak payah lagi melalui pekan-pekan tersebut, ia terus pergi ke Kajang.

Sistem ini hendaklah diperbanyakkan terutama sekali apabila banyak menggunakan kenderaan daripada utara atau daripada Kuala Lumpur ini pergi ke selatan menempuh beberapa pekan-pekan kecil. Kita lihat berita-berita yang sedih berlaku bagaimana kadang-kadang itu keluarganya duduk di tepi jalan, kereta terbabas, menghapuskan keseluruhannya keluarga, ibu bapanya sekali mati meninggalkan anak yatim dan sebagainya seperti yang berlaku di Selangor iaitu yang berhampiran dengan Kuala Lumpur dan telah meninggalkan tujuh

orang anak yatim oleh sebab ibu bapanya terbunuh kerana berdiri di tepi jalan untuk mereka bertemu atau berbual-bual di tepi jalan.

Perkara ini menyebabkan orang ramai memikirkan yang jalanraya ini telah menjadi tempat membunuh orang dan juga kita lihat apabila berlaku kemalangan yang mana kadang-kadang pemandu itu takut hendak berhenti di kawasan tersebut kerana takut orang-orang kampung akan memukul dan membunuh mereka. Walhal apabila berlaku kemalangan sepatutnya pemandu itu mesti berhenti menolong orang yang kena kemalangan itu tolong membawa ke hospital tetapi oleh sebab adanya sikap orang menuntut balas ataupun mengambil tindak balas, mengambil kuasa dalam tangannya sendiri serta-merta maka berlakulah perkara pergaduhan dan sebagainya dan baru-baru ini kita lihat di sebuah kampung dalam negeri Selangor ini juga yang berhampiran Kelang bagaimana penduduk-penduduk bertindak membakar kereta yang melanggar seorang kanak-kanak. Ini semuanya adalah oleh kerana kelemahan Akta Lalulintas yang ada dalam negara kita ini sendiri. Ini semuanya berlaku kerana kelemahan yang wujud daripada sistem syarat-syarat yang ada termaktub di dalam Akta kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak Kerajaan terutama sekali kepada Kementerian yang berkenaan hendaklah digubal secara pandangan jangka panjang segala Ordinan Lalulintas Jalanraya dalam negara kita ini disusun semula mengikut keadaan pembangunan yang sedang berlaku sekarang, bukanlah mengadakan, meminda Ordinan Lalulintas secara *ad hoc* iaitu apa yang difikir itu mustahak, jam itu sahaja yang hendak diadakan. Jadi, saya berharap perkara-perkara yang saya sebutkan ini amatlah penting supaya menjadi panduan dan dapat kita gunakan bagi faedah orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji sekarang ini perangkaan (statistics) sama ada pihak pemerintah ataupun pihak Kerajaan sedar ataupun tidak jumlah kemalangan yang banyak membunuh manusia berlaku di dalam negara kita kalau hendak dibandingkan

dengan negara-negara yang lain, berpuluh-puluh ribu orang mati kerana kemalangan jalanraya. Saya berharap daripada statistik yang diterbitkan oleh pihak Kerajaan sendiri sepatutnya mewujudkan kesedaran di kalangan Penggubal Undang-undang, di kalangan Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dan di kalangan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, meminda Akta ataupun Ordinan Lalulintas Jalan sepatutnya adalah satu pindaan yang penting, yang mesti diadakan kajian yang mendalam dan hendaklah dikaji dan diadakan rundingan dengan beberapa pihak-pihak yang tertentu. Kalau di peringkat Pusat hendak mengadakan pindaan ini hendaklah dirundingkan juga di peringkat Negeri dan di peringkat Daerah dan juga hendaklah diadakan rundingan dengan pihak yang menjalankan kuasa seperti Polis dan termasuklah pandangan-pandangan daripada penduduk-penduduk di luar bandar, orang-orang kampung, Tok-tok Penghulu dan sebagainya sebab pandangan-pandangan ini amatlah penting, janganlah meminda Ordinan Lalulintas ini dibuat oleh satu pandangan sahaja dari pihak berkuasa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang saya rasa pada hari ini adalah merupakan satu pindaan yang kecil sahaja. Jadi saya mengambil kesempatan tadi mengemukakan pandangan ini semoga saya berharap pihak yang berkenaan akan serius memikirkan untuk rancangan pada masa yang akan datang.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak orang ramai mengemukakan masalah ini, terutama sekali kepada Wakil Rakyat, kepada kawasan-kawasan perumahan yang baru dibuka ataupun kepada kawasan-kawasan perumahan yang telah dibuka beberapa tahun, tetapi yang mana jalan di kawasan perumahan itu belum lagi diiktiraf sebagai jalan umum (public road). Jadi jalan ini bolehlah dianggap sebagai jalan "no man's land", jadi tidak ada orang yang bertanggungjawab, jalan itu pecah, berair, berlubang, rosak dan sebagainya. Apabila

kita hantar kepada pihak yang berkenaan, pihak yang berkenaan menjawab katanya jalan itu belum diserahkan lagi kepada kami, jadi kami tidak boleh buat apa-apa. Kepada orang ramai naik pening kepala sebab orang-orang yang tinggal di tepi-tepi jalan yang menggunakan jalan itu mereka berkata mereka kena bayar cukai kepada pihak yang berkenaan, kepada local authority dan sebagainya tetapi jalan mereka itu tidak lagi dibuatkan apa-apa. Di sinilah saya meminta sepatutnya apabila kita meminda Ordinan Lalulintas ini bagi jalan hendaklah juga difikirkan dirangkumi masalah penderitaan penduduk-penduduk yang menggunakan kawasan-kawasan perumahan yang jalannya itu belum lagi diambil alih oleh pihak yang berkuasa.

Saya mencadangkan sepatutnya di mana sahaja kawasan-kawasan perumahan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan, sama ada pihak Kerajaan Negeri ataupun Pusat hendaklah dengan serta-merta mengisytiharkan apabila sesuatu kawasan perumahan itu siap sahaja setelah diduduki oleh orang ramai setelah diberi certificate of fitness kepada rumah-rumah tersebut, jalan-jalan di kawasan perumahan itu hendaklah serta-merta diiktiraf sebagai yang dikatakan "public road" untuk dipertanggungjawabkan oleh Local Council, City Hall ataupun Kerajaan Negeri dan Pusat supaya dengan serta-merta dapat diadakan pembaikan jalan itu dan diperbaiki dan juga dapat dipasang lampu untuk kawasan/jalan tersebut.

Apa yang saya selalu difahamkan kadang-kadang kawasan perumahan itu telah siap bertahun-tahun tetapi oleh sebab jalan itu belum diisytiharkan jalan untuk umum (public road), jadi apabila ditanya kepada pihak Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Negara tidak dapat memasang lampu di tepi jalan (street lightings) dan ini sekali lagi akan menyusahkan orang ramai dan juga ini akan membahayakan ketenteraman dan keselamatan penduduk-penduduk di kawasan perumahan tersebut, tetapi yang malangnya mereka kena membayar segala jenis cukai yang biasa dibayar oleh orang-orang biasa tetapi kemudahan ini tak ada. Tanpa kemudahan ini berlakulah berbagai-bagai kecurian, rompak dan beberapa pekerja,

terutamanya sekali wanita-wanita apabila balik kerja setelah waktu malam menghadapi berbagai-bagai kesulitan.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini menyokong pindaan Ordinan Lalulintas ini dan dalam pada itu saya berharap sangat pihak Kerajaan menitikberatkan dan mengambil tindakan segera supaya pembangunan dalam negara kita ini selaras dengan yang sepatutnya dapat dinikmati oleh warganegaraanya dan juga terutamanya sekali kaum bumiputra yang baru hendak merasa nikmat hidup yang baru duduk di kawasan-kawasan perumahan. Saya tidak mahulah sama sekali setelah mereka ini mengumpulkan wang ringgit menduduki kawasan perumahan tersebut, mereka ini masih menderita dan masih menghadapi kesulitan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.38 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap sepatah dua mengenai Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1958, Ordinan Lalulintas Jalan (Road Traffic Ordinance) 1958 ini telahpun dipinda beberapa kali dan tiap kali pindaan dijalankan, maka di antara lain kata-kata ataupun hujah-hujah yang diberikan oleh pihak yang mengemukakan Rang Undang-undang ini yang telah sempat saya semak kembali bagi tahun 1964, Menteri Pengangkutan pada masa itu ialah Yang Berhormat Datuk Sardon yang pada hari ini menjadi Tun Sardon. Antara lainnya beliau telah mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini perlu dipinda kerana didapati Ordinan ini telah terdapat sedikit sebanyak kelonggaran dan kelonggaran itu adalah merupakan "a strain" ataupun kekurangan-kekurangan yang dirasa oleh pihak pelaksana ataupun golongan yang hendak menjalankan atau hendak melaksanakan undang-undang ini, iaitu Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Dan begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, maka tidak syak lagi pindaan walaupun kecil pada hari ini terhadap Ordinan Lalulintas Jalan 1958 ini adalah besar ertinya kerana ianya adalah membawa satu faktor pelaksanaan yang penting kerana di sini kita dapati bahawa dalam Seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 maka perlunya diberikan satu takrif tentang apakah yang dimaksudkan dengan jalan atau "road".

Sebelum saya melanjutkan, saya ingin meminta penjelasan yang mana mungkin akan diberi penjelasannya semasa menggulung nanti oleh Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri yang berkenaan tentang satu dua perkara berdasarkan pindaan ini.

Perkara yang pertama, yang dimaksudkan dengan "public road":

"(a) any public road and any other road to which the public has access".

Apakah ini dimaksudkan dengan jalan-jalan di mana jalan-jalan yang telah digezettekan oleh Kerajaan sahaja ataupun apakah jalan-jalan ini termasuk jalan-jalan yang telah digezette atau diwartakan oleh pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak Berkuasa Tempatan ataupun kalau hendak diambil kira perkataan, dengan izin, "to which the public has access". Adakah ini bermakna sebarang jalan sama ada kecil atau besar sama ada jalan ini ditar ataupun tidak, sama ada jalan ini dapat dilalui oleh kereta ataupun jalan ini dapat dilalui oleh beca, namun hanya jalan dapat dilalui oleh orang-orang yang berjalan kaki ataupun hanya sekadar motosikal dan basikal sahaja. Kerana istilah "to which the public has access" ini perlu ditakrifkan supaya mendapat panduan yang lebih lanjut.

Mungkin kiranya ini tidak menjadi satu perkara yang lebih jelas, tidak memadai pindaan hari ini untuk mencakupi jalan-jalan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan, mungkin sesuatu pindaan ataupun sesuatu pemikiran yang mendalam perlu dibuat selepas ini, mungkin pada masa-masa yang akan datang.

Perkara yang kedua di bawah (b), saya baca sedikit:

“(b) in relation to use for the purpose of sections 14 to 24 and Part V of this Ordinance, any such road maintained at the public expense.”

Soalan saya apakah yang dimaksudkan dengan public expense? Apakah ini dimaksudkan jalan-jalan yang dibiayai oleh wang Kerajaan yang datangnya daripada Kerajaan Pusat yang mempunyai vote ataupun peruntukan yang khas di bawah kepala-kepala jalanraya sahaja? Atau pun juga termasuk jalan-jalan yang dibiayai oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri dan juga Pihak-pihak Berkuasa Tempatan secara langsung di bawah vote ataupun kepala peruntukan negeri ataupun Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan mengikut budget ataupun belanjawan yang diluluskan oleh pihak-pihak yang berkenaan tersebut tahun demi tahun.

Apakah juga sebarang jalan yang sekali sekala menerima bantuan daripada Kerajaan. Misalnya, kita dapati banyak jalan-jalanraya di kampung-kampung, jalan-jalan seperti kalau di Kelantan dipanggil sebagai Jalan Penggawa ataupun Jalan Penghulu, yakni jalan daripada tanah ataupun jalan-jalan yang dibuat daripada pasir sedikit sebanyak ataupun jalan-jalan hanya luas kira-kira 6 kaki, 8 kaki atau 10 kaki luasnya memadai untuk kereta-kereta melaluinya tetapi jalan ini tidak pernah diwartakan ataupun digezettekan sebagai jalan Kerajaan sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat, mahupun Pihak-pihak yang Berkuasa Tempatan.

Pengtakrifan ini adalah penting, kerana memandangkan bahawa semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini telah memberi di antara lainnya bahawa peruntukan ini akan memberi bantuan daripada segi penguatkuasaan kepada pihak JKR, pihak Polis dan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan yakni sepertimana yang dikehendaki di bawah peruntukan Seksyen 61 dan 70A Road Traffic Ordinance 1958.

Yang keduanya, ialah bertujuan melindungi ejen-ejen yang berkenaan. Mungkin yang berkenaan ini termasuk juga selain daripada JKR, Polis dan JPJ mungkin juga termasuk pihak Insuran yang berniaga insuran yang memberi cover note dan sebagainya.

Yang ketiga, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada menyatakan bahawa ejensi-ejensi tersebut yakni JKR atau lain-lain boleh mengadakan strategi-strategi yang tertentu bukan sahaja terhadap jalan-jalan yang telahpun siap, bukan sahaja terhadap jalan-jalan yang telahpun diwartakan ataupun digezettekan oleh pihak berkuasa yang berkenaan tetapi juga terhadap jalan-jalan yang masih dibuat, jalan-jalan yang belum disiapkan lagi, dan apatah lagi jalan-jalan yang baru mula hendak dijalankan. Jadi memandangkan perkara ini, maka perlu satu pengtakrifan yang tegas dan yang jelas diberi oleh pihak yang berkenaan sama ada hendak diserahkan kepada pihak penguatkuasa ataupun pihak Kementerian sendiri sebelum pihak mahkamah menentukan apa yang saya sebutkan tadi termasuk atau tidak.

Saya terpaksa menyatakan demikian, kerana sekiranya yang dimaksudkan dengan jalan ataupun public expense ini tidak termasuk jalan-jalan yang dibiayai oleh Kerajaan secara tidak langsung, misalnya di bawah projek kecil sama ada peruntukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri ataupun peruntukan-peruntukan projek kecil di bawah Pegawai-pegawai Daerah masing-masing. Kalau tidak dimasukkan takrif ini bererti bahawa sesuatu perkara yang ada hubungan dengan perkara 61 dan 70A yang terkandung di dalam Road Traffic Ordinance 1958 ini tidak dapat dikenakan ke atas jalan-jalan tersebut pada hal, kita sendiri mengakui hakikat bahawa jalan-jalan seperti ini adalah terlalu panjang di negara ini. Misalnya, sewaktu kita membahaskan Belanjawan 1981 pada akhir tahun lepas pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengisytiharkan bahawa sebanyak 60 ribu batu kalau tidak silap saya jalan-jalan kampung akan ditarkan mulai tahun 1981.

Sekarang timbul satu masalah apakah jalan-jalan yang tidak dapat digezettekan ataupun diwartakan ini dapat ditakrifkan sebagai jalan atau "road" sebagaimana yang dimasukkan di bawah Seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 ini. Kalau sekiranya ini tidak dapat dimasukkan, ingin juga saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kuatkuasa Undang-undang Lalulintas, kuatkuasa dari segi lain juga adakah ianya diwakili atau meliputi jalan-jalan tersebut pada hal jalan-jalan ini adalah juga akan dibiayai oleh Kerajaan. Ini kita dapati bahawa oleh sebab terlalu banyak jalan-jalan seperti ini maka perlu rakyat biasa yang berjalan kaki, rakyat biasa yang naik basikal, begitu juga rakyat biasa yang mempunyai ternakan lembu kerbau dan sebagainya yang sekali-sekali terpaksa menggunakan jalanraya-jalanraya berkenaan. Apakah takrif mereka ini? Adakah mereka ini apabila berlakunya sesuatu kemalangan (accident) jalanraya di atas jalan tersebut lantaran sesuatu sebab yang tertentu, apakah mereka ini hanya mati sebagai matinya ayam di jalanraya atau matinya mereka itu sebagai mati katak di jalanraya sahaja. Ini perlu kita mendapat perlindungan daripada pihak Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan, lainlah kiranya berlaku kemalangan, mungkin soal kemalangan itu mengakibatkan kematian. Ini mungkin dapat dibawa di bawah satu hal yang lain pula, boleh dituduh umpamanya di bawah bab atau undang-undang yang lain seperti cuba hendak membunuh dan sebagainya. Tetapi di bawah Road Traffic Ordinance ini apakah ianya juga dapat mengawali bahagian-bahagian, sepertimana yang disebutkan tadi.

Seterusnya saya juga hendak menyentuh lain-lain aspek yang ada hubungan dengan masalah jalan supaya di dalam mentafsirkan jalan sebagaimana yang dikehendaki untuk menguatkuasakan Perkara 61 dan 70A Ordinan Lalulintas Jalan ini maka saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai penggunaan jalanraya.

Kita dapati, salah satu sebab perlunya diadakan takrif ini ialah akibat daripada terdapatnya penggunaan yang excessive,

penggunaan yang melampaui batas oleh kenderaan-kenderaan yang tertentu. Misalnya lori sama ada lori muatan balak atau lori trailer muatan barang yang lain. Kadangkala kita dapati jalan-jalan yang sepatutnya tidak dapat dilalui oleh kenderaan-kenderaan muatan daripada 7 tan pada hal signboard atau tanda yang jelas di jalan-jalan kecil yang berkenaan tetapi lumrah di negara ini, kita dapati jalan-jalan ini dilalui bukan sahaja kenderaan-kenderaan di bawah 7 tan beratnya tetapi juga oleh bapak-bapak lori yang mungkin mempunyai muatannya sampai 20 tan lebih.

Umpamanya, kita mengagakkan berapakah beratnya sebuah loader umpamanya. Kita dapat mengagakkan berapa beratkah sesebuah lori trailer yang membawa balak kadang-kadang tidak terfikir oleh kita bahawa muatan balak itu beratnya sekadar sebagaimana yang dibenarkan oleh JPJ—Jabatan Pengangkutan Jalanraya. Tetapi soal ini soal yang kedua, soal yang penting yang ada hubungan di sini ialah berkaitan dengan penggunaan jalanraya sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam. Saya minta supaya dalam masalah muatan ini perlu benar-benar diperhatikan dan perkara yang penting ialah masalah pelaksanaan.

Di samping itu kita dapati juga mungkin kalau kita melihat kembali rekod-rekod Parlimen sewaktu membahaskan Ordinance ini sewaktu beberapa kali Road Traffic Ordinance 1958 ini telah dipinda ataupun telah diubah maka kita dapati berbagai-bagai tohmahan telah diberikan mengenai muatan lebih yang berlaku di atas jalanraya yang tidak sepatutnya berlaku. Saya percaya dan saya minta kalau Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri belum lagi membaca rekod-rekod atau *Hansard* yang lama, tolonglah baca dan tidak perlu saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana benda ini akan menjadi satu duplication. Walau bagaimanapun, perkara yang hendak saya sebutkan di sini ialah sungutan mengenai muatan lebih ini adalah sama tua dengan sejarah Parlimen ini, setakat mana yang dapat saya baca melalui *Hansard* yang lama. Dan sungutan yang begitu lama—sungutannya terutama sekali terhadap

penguatkuasaan. Adakah penguatkuasaan ini dijalankan sendiri oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalanraya ataupun pihak polis ataupun pihak-pihak lain, ini terpulanglah kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk menentukan sama ada tugas ini perlu diminta kerjasama pihak polis ataupun Jabatan Pengangkutan Jalanraya.

Perkara yang kedua, kita dapati juga mengenai pengguna jalan ini, kita selalu dapati terdapatnya iklan-iklan yang besar, mungkin iklan-iklan mengenai minuman, mungkin iklan-iklan yang dipunyai sendiri oleh Kerajaan atau Kementerian Penerangan, mungkin juga iklan-iklan yang mengenai lawatan pembesar-pembesar asing ke negara ini, ataupun mungkin juga sebarang iklan dengan tujuannya untuk mengiklankan sesuatu pada masyarakat umum. Mungkin seimbab pandangan, iklan-iklan ini akan memberi faedah kepada pengiklan-pengiklan dan juga kepada negara ini tetapi dilihat dari segi jalanraya, di segi penggunaan jalanraya, mungkin sekali sekala terlintas bahawa iklan-iklan ini membawa kesan yang tidak baik terhadap penggunaan jalanraya.

Misalnya kiranya didapati iklan-iklan yang agak menggiorkan atau yang agak boleh to distract pemandu-pemandu dan ini tidak syak lagi, boleh ditafsir atau boleh dianggapkan sebagai satu iklan yang boleh membawa punca kepada kemalangan. Ini patut difikirkan oleh yang berwajib atau yang bertanggungjawab sama ada ini di bawah JKR atau di bawah Jabatan Pengangkutan Jalanraya ataupun di bawah Kementerian Pengangkutan ataupun di bawah pihak-pihak yang lain yakni Kerajaan-kerajaan Tempatan.

Di dalam hal ini, saya dapati juga ada hubungan dengan apa yang pernah disebutkan oleh sahabat saya dari Setapak tadi terdapatnya di kawasan-kawasan perumahan yang baharu siap dan yang lama siap, tetapi kita dapati keadaan iklan-iklan jalanraya, iklan-iklan yang saya maksudkan di sini, ialah Road Traffic Sign. Iklan-iklan ini yang sepatutnya di setengah-setengah tempat ada tetapi tidak ada.

Saya hendak bagi satu contoh di satu kawasan perumahan yang sesak di Bangsar, Kuala Lumpur. Di beberapa jalan di kawasan Bangsar Kuala Lumpur, kita dapati jalan-jalan ini terlalu banyak persimpangan. Kadang-kadang bila kita sampai di persimpangan—di junction ini, kita tidak tahu, adakah kita hendak berhenti ataupun jalan yang satu lagi perlu berhenti—kenderaan mereka itu, kerana tidak ada satu tanda hatta tidak ada satu line menandakan yang mana perlu berhenti dan adakah kita perlu memberikan jalan orang di hadapan ataupun bagaimana. Ini adalah satu perkara yang mengelirukan sangat pihak pengguna-pengguna jalanraya yang berkenaan. Kalaulah di antara Jalan A dengan Jalan B ini, Jalan B lebih besar daripada Jalan A maka senang sedikit bagi kita pengguna-pengguna jalan. Jalan yang kecil, kita berhenti; kenderaan di jalan besar ini boleh melalui dahulu. Tetapi apabila jalan ini lebih kurang sama besarnya, siapa hendak berhenti dahulu.

Saya ingin bertanya kepada pihak yang bertanggungjawab, kiranya berlaku satu-satu accident, siapakah hendak dipersalahkan. Tetapi saya tidak hairan kiranya berlaku sesuatu kemalangan jalanraya di tempat-tempat seperti ini pihak yang bertanggungjawab terhadap jalan ini akan mula-mula dibawa ke mahkamah bukannya pihak-pihak yang terlibat—the third party, tidak—tidak ada kena-mengena tetapi yang pentingnya saya rasa, mungkin kalau sekiranya seseorang itu mempunyai keupayaan kewangan atau mempunyai keupayaan legal, sudah tentu mereka itu atau seseorang itu akan membawa perkara ini sampai ke mahkamah. Oleh sebab itu, saya harap pihak yang berkenaan supaya melihat akan tanda-tanda jalan seperti ini. Terutama sekali sepertimana saya katakan tadi di kawasan-kawasan perumahan yang baharu. Lainlah kalau sekiranya jalanraya-jalanraya ini belum diterima lagi oleh pihak Berkuasa Tempatan, kerana setahu saya di kawasan Bangsar iklan daripada Dewan Bandaraya untuk menerima jalan-jalan, untuk mengambil alih jalan-jalan ini daripada pihak pemaju-pemaju swasta yang berkenaan telahpun dibuat tidak kurang daripada 2 tahun yang lepas maka ertinya jalan ini kini telah dipunyai oleh pihak Dewan Bandaraya.

Lagi pun, pada pandangan kasar saya, saya dapati bahawa jalan-jalan tersebut ini adalah diselenggarakan oleh pihak Dewan Bandaraya sendiri maka saya minta melalui Dewan yang mulia ini, melalui Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang ada sangkutan dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini supaya cuba menghubungi pihak-pihak yang berkenaan tersebut. Seterusnya kita dapati masalah yang paling penting ialah masalah pelaksanaan kepada Undang-undang Lalulintas Jalanraya. Kita juga kadang-kadang meragui sejauh manakah pelaksanaan ini dijalankan kerana sekali sekala kita meragui bahawa keadaan kenderaan yang berjalan di jalanraya yang digazetkan oleh Kerajaan Pusat, yang digazetkan oleh Kerajaan Negeri hatta yang digazetkan oleh pihak Penguasa-penguasa Tempatan sama ada Majlis Daerah ataupun Dewan Bandaraya sendiri kenderaan-kenderaan masih ada lagi sekali sekala kenderaan-kenderaannya yang tidak road-worthy. Kita tanya masalah pihak pelaksana.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini selalu digunakan oleh kontraktor-kontraktor, lori-lori yang lama yang sengaja tidak hendak diambil road tax, kalau dibayar road tax terpaksa diuji sekali sekala, enam bulan sekalikah umpamanya ataupun mengikut tempoh-tempoh yang ditetapkan tetapi lantaran mereka tidak mahu membayar road tax lori itu hanya digunakan di tempat bekerja (at the work site) itu sahaja tetapi lori-lori ini apabila tamat digunakan di sesuatu tempat, lori-lori ini akan dibawa kepada satu tempat yang lain yang bukannya dibawa di atas low-loaders ataupun dengan menggunakan keretapi atau sebagainya, tetapi digunakan dengan menggunakan jalan biasa iaitu ditow, ditarik oleh kenderaan yang mempunyai road tax, kenderaan yang mempunyai lesen untuk menarik kereta-kereta yang lain. Masalah yang penting di sini walaupun lori tersebut mempunyai trade plate untuk digunakan sementara melalui jalanraya-jalanraya tersebut tetapi apakah lori-lori ini walaupun tidak road-worthy, tidak layak berjalan di atas jalanraya, lori-lori ini sepatutnya tidak dibenarkan berjalan. Misalnya sebagaimana yang dibuat terhadap

bulldozer ataupun kereta-kereta jentolak jenis lain yang mempunyai tayarnya yang landai tidak dibenarkan melalui di atas jalan-jalan tar dan perlu kereta-kereta seperti ini menggunakan sama ada jalan-jalan lain ataupun menaiki low-loaders. Jadi apakah tidak baik kita melihat perkara ini supaya lori-lori kalau mereka tidak mahu membayar road tax ertinya membayar road tax terpaksa diuji enam bulan sekali ataupun sekali sekala mengikut sebagaimana aturan peraturan yang dibuat di bawah Road Traffic Ordinance ini. Apakah tidak baik kalau lori-lori ini diminta sahaja menaiki low-loader. Saya rasa memadai panjangnya low-loader ini tidak mengangkut atau memunggah lori-lori yang digunakan di work site oleh kontraktor-kontraktor yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya apalah salahnya kalau sekiranya lori-lori ini juga diminta supaya dibayar road tax. Saya menganjurkan kepada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri pada petang ini supaya memikirkan untuk tidak membenarkan sebarang lori yang tidak road worthy walaupun lori ini dipandu, ditunda (tow) atau ditarik sebagaimana yang dijalankan pada hari ini, hatta kalau perlu walaupun menaiki keretapi ataupun menaiki kapal laut ataupun menaiki low-loaders sebagaimana yang telah saya syorkan tadi. Mengapa kita pentingkan sangat, takut kontraktor-kontraktor rugi walhal kemalangan yang mungkin dirasai oleh pengguna jalanraya yang mungkin tidak berdosa akibat daripada keadaan-keadaan lori-lori tersebut yang sepatutnya sudahpun dikondem itu mungkin akan lebih berat.

Rasa saya, dengan pengumuman dalam masa dua hari yang lepas mengenai adanya jaminan ataupun pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telahpun mengisytiharkan bahawa kontraktor-kontraktor akan diberi imbuhan tentang kerugian-kerugian mereka beberapa tahun kebelakangan maka sekarang ini dengan wang imbuhan ini patut pihak Pengangkutan Jalan atau pihak Kementerian Pengangkutan ini meminta pihak kontraktor-kontraktor ini supaya kondem terus lori-lori, barangkali campak dalam laut ataupun bawa sahaja kepada scrapyard sahaja.

Seterusnya, satu aspek lagi ialah masalah kemalangan-kemalangan secara keseluruhan walaupun saya telah sebut sedikit sebanyak tadi. Kita dapati berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan sama ada melalui Majlis Keselamatan Jalanraya ataupun melalui badan-badan atau agensi-agensinya yang lain untuk menentukan supaya kurang berlakunya kemalangan-kemalangan jalanraya di atas jalan-jalan seperti mana yang ditakrifkan oleh Rang Undang-undang ini.

Di dalam hal ini kita mengalu-alukan segala usaha yang telah dijalankan tadi tetapi kadang-kadang nampaknya usaha ini makin banyak, saya tidak mengatakan makin banyak berlakunya kemalangan oleh sebab kenderaan pada hari ini mengikut apa yang saya tahu melebihi 2 juta di negara kita ini maka sudah tentu kemalangan-kemalangan ini akan berlaku dengan lebih banyak lagi. Kita dapati kemalangan-kemalangan ini adalah suatu kenyataan bahawa berpunca daripada manusia sendiri, jarang sekali berpunca daripada kenderaan itu sendiri, jarang sekali berpunca daripada keadaan jalanraya walaupun ada bahagian jalanraya yang saya hendak sentuh sekejap lagi. Maka perkara yang penting untuk mengelakkan kemalangan jalanraya di jalan-jalan ini sasaran pentingnya (target group) yang perlu ditembak—bukan tembak sebenar tetapi sesuai dengan target group tadi yang mesti dihalakan oleh pihak yang berkenaan ialah pengguna-pengguna jalanraya. Pengguna-pengguna jalanraya ini terutama sekali golongan pemandu-pemandu terutama sekali pemandu-pemandu commercial vehicles misalnya lori-lori, bas dan juga jenis kenderaan-kenderaan yang lain, kita dapati kalau kita berjalan di jalanraya Kuala Lumpur ini sahaja kita selalu tidak terselamat terutama sekali apabila kita berhampiran dengan bas mini kerana keadaan perjalanan bas mini dukacita terpaksa saya sebutkan di sini adalah hendak dikatakan bermaharajalela pun tidak tetapi adalah sedikit-sedikit kadang-kadang hendak dipotong sebelah kiri, dipotongnya sebelah kiri, kadang-kadang hendak dipotong abrupt pun dibuatnya juga, jadi ini adalah satu perkara yang mungkin menyebabkan kemalangan-kemalangan ini.

Satu perkara lagi mengenai lori-lori. Kita sebagai pengguna jalanraya apabila berhadapan dengan lori, apabila kita berada dalam motokar, apabila kita berhadapan dengan lori ataupun kita ekori lori-lori maka perasaan kita adalah selalu cemas, cemas walaupun lori itu kosong sepatutnya ataupun lori itu mempunyai muatan terutama sekali muatan daripada besi atau batu. Saya pernah menerima akibat ini, kita tidak tahu kadang-kadang kita menganggapkan bahawa lori itu kosong maka lantas kita pun menghampiri lori berkenaan walaupun ada kempen dalam televisyen sekarang mengatakan kalau hendak melintas sekurang-kurangnya jarak sekian-sekian kaki, mungkin ini dapat dibuat tetapi kadang-kadang oleh sebab terlalu cepat hendak memotong lori itu maka mungkin kita menghampiri lagi kepada lori itu, maka dengan ini apabila lori-lori berkenaan termasuk dalam lobang atau lopak atau sebagainya di jalanraya tersebut maka akan keluarlah biji-biji batu daripada lori-lori yang berkenaan. Ini tidak sekali, yang telah saya lihat dan rasai di jalanraya kita. Jadi, mungkin juga golongan inilah yang patut menjadi sasaran di antara sasaran yang penting dalam kempen masalah tatatertib penggunaan jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga masih ada lori-lori yang tidak sanggup menggunakan getah di tayar belakangnya itu. Ini juga satu masalah dan perkara yang paling penting lagi dalam masalah lori ini oleh sebab pemandu-pemandu lori-lori ini selalunya dibayar oleh majikan-majikan berdasarkan trip, berdasarkan berapa muatan dapat dibuat dalam satu hari untuk ditambahkan kepada gaji pokoknya. Maka sudah tentu kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat menyalahkan drebar-drebar atau pemandu-pemandu lori itu kalau mereka berkejar dari satu tempat ke satu tempat kerana setiap trip yang mereka untung itu merupakan bertambahlah lagi seringgit dua untuk keluarga mereka yang menunggu di rumah.

Maka mungkin ini adalah merupakan satu sistem yang kurang sihat, sistem yang memberi gaji atau upah yang asas ini kepada pemandu lori yang menggunakan jalanraya itu patut dikaji semula walaupun ini tidak ada kena-mengena dengan Kementerian berkenaan, mungkin Kementerian berkenaan

oleh sebab itu penggunaan di atas jalanraya yang mengakibatkan pengguna-pengguna jalanraya yang lain boleh berunding dengan Kementerian-kementerian lain, umpamanya, kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Jadi kalaulah sekiranya pokok atau the root cause ini dapat dilihat atau dapat dikesan atau dapat diperbaiki mungkin masalah lori-lori yang kosong atau lori-lori yang bermuatan batu dan pasir itu tidak terlalu laju dapat diatasi sedikit.

Seterusnya, kadang-kadang kita dapat juga masalah jalanraya di tempat kita, saya tidak mengatakan jalanraya di negara ini tidak baik, memang ada jalanraya negara lain yang baik daripada kita tetapi tidak kurang juga negara lain mempunyai jalan yang tidak baik, tetapi yang penting di sini bukanlah masalah baik daripada negara lain atau tidak baik daripada negara lain, tetapi yang lebih penting ialah sejauh mana jalanraya kita ini adalah baik atau tidak baik. Itu lebih penting. Saya tidak hendak menyentuh jalan-jalan yang baik kerana itu tidak perlu dipuji, yang baik tidak perlu dipuji tetapi yang perlu diberi perhatian ialah jalan-jalan yang belum lagi baik. Kita dapati jalanraya terutama sekali di sepanjang Kuala Lumpur ke Pantai Timor, kadang-kadang kita terdapat jalanraya yang agak bumpy, jalan-jalan yang berlubang, kita tidak menyalahkan jalan-jalan yang berlubang, kita tidak menyalahkan Kerajaan kalau jalan-jalan itu tidak baik atau rosak kerana setiap makhluk ada sakitnya. Begitulah juga jalan adalah juga merupakan sebahagian daripada makhluk maka ada juga kadang-kadang jalanpun tidak baik, maka yang penting di sini ialah amaran yang cukup hendaklah diberi supaya pengguna-pengguna jalanraya terutama sekali pada waktu malam tahu apakah keadaan jalan yang akan dihadapi dalam masa empat-lima saat sewaktu dapat dilihat itu. Jadi kalaulah amaran itu dapat diberi dengan betul dengan sejelas-jelas yang mungkin maka sudah tentu sedikit sebanyak ianya dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Seterusnya kita dapati juga setengah-setengah jambatan sempit yang menghubungkan di antara jalan dengan jalan. Jambatan sempit itu pada kebanyakan tempat telahpun diletakkan tanda-tanda merah dari jauh lagi tetapi masih ada setengah jalan terutama

sekali di negeri Kelantan jalan-jalan yang mempunyai jambatan kayu pada satu dua tempat. Walaupun jalan kayu itu merupakan jalan sementara dan jalan-jalan yang kekal sedang dibuat atau akan dibuat tetapi selagi jalanraya ini digunakan jambatan ini hendaklah disifatkan sebagai jalanraya yang ada sebelum ada satu jalanraya yang lain untuk menggantikannya, maka jalanraya yang melalui jambatan kayu tersebut hendaklah dijaga dengan betul. Maka di dalam hal ini mungkin juga pihak Kementerian berkenaan boleh minta atau menyampaikan perkara ini kepada pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya agensi yang bernama Unit Penyelenggaraan Jalan itu benar-benar menyenggara jalan terutama sekali sebahagian jambatan sepertimana yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai jalan dan juga jambatan saya juga hendak menyentuh sedikit keadaan jalanraya atau jambatan yang menghubungkan Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat di Kelantan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, pindaan Undang-undang ini berkaitan dengan jalan. Soal jambatan itu sudah jauh sedikit daripada tajuk asal. Kalau boleh Ahli Yang Berhormat janganlah sentuh jambatan, cuba sentuh jalan sahaja.

Tuan Hussein bin Mahmood: Berhubung dengan masalah ini, tiap-tiap kita membuat satu-satu undang-undang mengenai jalan maka mungkin juga di masa yang sama perlu diperhatikan keadaan atau welfare jalan-jalan yang berkenaan maka dalam konteks inilah maka saya hendak menyentuh sedikit berkenaan jalan-jalan itu ada hubungan dengan jambatan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Saya hendak sentuh mengenai penguatkuasaan terhadap jalan-jalan yang saya sebut tadi mungkin juga penguatkuasaan itu diminta atau ada hubungan dengan seksyen 61 dan seksyen 70A sebagaimana takrif jalan atau road yang diminta di bawah Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini. Oleh sebab kita dapati jalan ataupun jambatan Sultan Yahya Putra di negeri

Kelantan telahpun rosak setahun lebih dan sekarang di dalam pembaikan maka ada sedikit sebanyak gangguan dirasakan oleh pengguna jalan daripada satu tempat ke satu tempat dan pihak JKR dengan kebijanya telahpun membuka jalan satu hala bagi tiap-tiap jam. Di dalam pada itu kita dapati keadaan kesesakan pada jalanraya tersebut patut difikirkan oleh pihak-pihak yang merancang atau pihak yang berkenaan supaya demi untuk jangka masa panjang, yang pertama pembinaan jalan atau jambatan itu hendaklah benar-benar diawasi oleh pihak JKR yang mana saya yakin dan percaya jambatan tersebut tidak pernah diawasi oleh JKR apabila ianya dibuat dan siap pada tahun 1964 dahulu.

Dan yang keduanya, kita janganlah mengharapakan hanya satu jambatan sahaja untuk menghubungi dua bahagian daripada sebuah negeri, umpamanya, di Kelantan sebelah timur dengan sebelah barat hanya jambatan itu sahajalah, mujurlah jambatan itu masih dapat dilalui oleh pengguna-pengguna jalanraya dari sebelah timur dan barat negeri Kelantan kerana walaupun rosak boleh digunakan sedikit-sedikit dengan keadaan yang terhad.

Di dalam pada itu memang terasa sekali pada hari ini oleh sebab low-loader tidak dapat menggunakan jalanraya tersebut, maka sedikit sebanyak kesannya ada terhadap pembangunan di sebelah-belah tempat, oleh sebab low-loader tidak dapat melalui jambatan tersebut. Maka banyak jentera-jentera yang terpaksa diangkut dengan low-loader sebagaimana disebut pada awal tadi tidak dapat diangkut melalui jambatan tersebut. Kita mempunyai satu jambatan yang lain tetapi jambatan lain itu ialah jambatan keretapi yang mana memang tidak sesuai dan tidak menasabah kerana keadaannya terlalu sempit untuk dilalui oleh low-loader yang membawa kereta-kereta jentolak yang memakai tayar besi yang berkenaan. Maka untuk masa depan patutlah kita menggunakan strategi banyak serampang bukan sekadar serampang mata dua, kalaulah Dasar Ekonomi Baru menggunakan Serampang mata dua maka hendaklah juga dalam masalah ini menggunakan banyak

serampang, ertinya fikirkanlah untuk mengadakan lebih daripada satu jambatan walaupun tidak tiga dan empat.

Seterusnya penyenggaraan jalan-jalan seperti mana yang ada hubungan dengan road atau takrif jalan-jalan di sini, saya minta supaya kalaulah pihak Kementerian Pengangkutan mahu melaksanakan Undang-undang ini berdasarkan satu anggapan bahawa jalan-jalan yang dilalui oleh kenderaan-kenderaan itu merupakan jalan yang baik. Di samping itu juga patut penyenggaraan jalan patutlah menjalankan peranan yang sewajarnya kerana selain daripada lopak-lopak kalau hujan atau lubang-lubang akibat terutama sekali selepas banjir di kawasan Pantai Timor, mungkin juga keadaan semak samun di tepi jalan.

Saya terpaksa menyentuh perkara yang kecil-kecil ini kerana ini ada hubungan dengan keselamatan dan seterusnya kebajikan pengguna-pengguna jalanraya. Dan apalah salahnya jalanraya-jalanraya ini kita tentukan sebahagian daripada bahu jalan itu dijaga sebagaimana termasuk di dalam takrif ini. Selain daripada bahu jalan itu dijaga, juga hendaklah ada road reserve atau kawasan reserve kepada jalanraya-jalanraya di mana kawasan-kawasan ini hendaklah tidak dibenarkan ditanam sebarang tanaman yang agak boleh mengganggu lalulintas ertinya kalau di tempat selekoh atau di tempat simpang mungkin sebarang pokok-pokok atau sebarang tanaman yang terdapat di sepanjang jalanraya sepertimana yang saya katakan tadi mungkin akan melindungi kita daripada melihat kenderaan yang datang daripada hadapan. Dengan ini patutlah diadakan satu dasar kalaupun belum ada kepada semua jalanraya-jalanraya supaya kita mempunyai reserve di mana reserve ini kalau boleh, kalaupun tidak dibenarkan ditanam dengan pokok-pokok yang besar atau pokok-pokok yang boleh melindungi view atau penglihatan ke arah satu jarak yang tertentu maka ianya janganlah dibenarkan didiami atau dihindangi oleh rumpai-rumpai seperti lalang-lalang kerana lalang-lalang inilah yang selalu menjadi punca kepada kita tidak nampak atau view daripada hadapan itu akan tersekat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik kalau road reserve ini ditanam dengan pokok tinggi-tinggi kerana pokok tinggi ini daunnya di atas, tetapialang ini daun-daun dan sebagainya di bawah, maka sudah tentu kita tidak dapat melihat daripada bawah. Dan konsep ini sepertimana yang saya tahu, kalau tidak silap saya telahpun dipakai oleh pihak keretapi. Jadi apakah salahnya pihak jalanraya demi untuk menjaga keselamatan jalanraya demi untuk melaksanakan supaya pelaksanaan Ordinan Jalanraya Seksyen 61 dan 70A ini tidak dapat dichallenge di mana-mana hatta di mahkamah sekalipun. Maka tentukanlah dahulu jalanraya-jalanraya kita ini adalah terselamat, terjamin, sekurang-kurangnya bagi mereka yang cekap menggunakan jalanraya, bagi mereka yang tidak reckless, dengan izin, dan bagi mereka yang sepatutnya tidak mendapat kemalangan. Begitu juga kita dapati juga kadang-kadang ada setengah-setengah tempat jalanraya itu sepatutnya bumpy tetapi tidak ada tanda-tanda. Setengah tempat jalanraya itu licin tetapi kadang-kadang tidak cukup tanda-tanda dan sebagainya. Ini adalah termasuk dengan satu matlamat yang saya sebutkan tadi supaya tiap-tiap jalan yang dibuat atau dibiayai oleh Kerajaan ini sekurang-kurangnya boleh dilalui dan terselamat oleh pengguna-pengguna jalanraya yang mana tidak dapat dianggapkan sebagai "reckless drivers".

Akhirnya saya benar-benarlah mengharapkan supaya apa yang saya katakan pada bahagian yang pertama tadi mengenai takrif ini benar-benar ditentukan oleh pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan, benar-benar ditentukan oleh pihak Kementerian yang berkenaan supaya ianya dapat memberi panduan kepada kita dan juga pengguna-pengguna jalanraya dan juga panduan kepada pihak-pihak pelaksanaan sama ada pihak JKR, pihak Polis ataupun pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya. Begitu juga patut diberi perhatian pada tarif yang kedua sepertimana saya katakan tadi, apakah sebenarnya "public expense", apakah dengan \$1 sahaja duit Kerajaan digunakan terhadap jalan X ini maka jalan X ini telahpun dilindungi oleh pindaan Ordinan Lalulintas 1958 yang kita bahaskan pada hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.25 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas pindaan terhadap Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Tuan Speaker, memang sudah sampai masanya bagi pihak Kementerian untuk bertindak meminda definisi atau takrif jalan, dalam lengkungan ini atau dalam definisi seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 supaya scope boleh diperluaskan, ini bolehlah meliputi jalan-jalan yang ada berkaitan dengan seksyen 61 dan 70A. Tentu kita semua sedia maklum bahawa alasan-alasan pindaan ini sudah diberikan dan apa sebabnya perkara ini diperlukan untuk tujuan-tujuan yang tertentu.

Dalam perbahasan pindaan ini saya ada beberapa aspek dan masalah perlu saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, sebenarnya dari pandangan saya sungguhpun hanya takrif jalan sahaja dibangkitkan kerana hendak meliputi jalan-jalan yang ada tertakluk di bawah seksyen 61 dan 70A. Tetapi beberapa aspek yang ada berkaitan dengan keselamatan jalan dan penggunaan jalan ini adalah tidak dibawa di dalam pindaan seksyen ini hari ini. Apabila kita menghalusi keseluruhannya Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang mengandungi sebanyak 153 Fasal yang begitu tebal ini tidak termasuk lagi peraturan-peraturan yang berkenaan dengan spesifik perlu. Tetapi saya fikir Kementerian Pengangkutan perlu mengadakan satu pengkajian (study) yang lebih mendalam tentang bagaimana Ordinan ini boleh diperluaskan dengan mengadakan lebih banyaknya peraturan-peraturan di mana tertakluk di bawah Fasal 151 di mana Menteri adalah diberi kuasa untuk membuat dan mengadakan peraturan-peraturan yang dikehendaki untuk mengawal, untuk mengurus dan mentadbir jalan-jalan atau perkara-perkara yang ada berkaitan dengan kenderaan dan pengurusan atau pentadbiran (maintenance of the roads).

Di sini saya perlu memberikan beberapa cadangan supaya Kementerian Pengangkutan boleh mengambil berat atas beberapa perkara

yang sudah berbangkit yang ada berkaitan dengan kepentingan orang ramai khususnya yang ada berkaitan dengan kepentingan keselamatan nyawa orang yang menggunakan jalan-jalan baik lebuh raya (highway) atau freeway, jalan-jalan di tiap-tiap negeri, daerah atau kawasan yang berkenaan.

Perkara yang pertama yang perlu saya cadangkan ialah Kementerian Pengangkutan perlu bertindak secara kordinasi dengan pihak-pihak yang berkenaan umpamanya Kementerian Kerjaraya dan Polis supaya kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan-jalan yang tertentu dengan spesifik tujuannya bolehlah dikuatkuasakan supaya jalan-jalan kita tidak selalu dirosakkan oleh overloaded lori-lori atau kenderaan yang berkenaan.

Satu faktor yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah sebahagian besar faktor yang mengakibatkan kerosakan jalan-jalan baik highway atau jalan-jalan yang berkenaan ialah berkenaan muatan kenderaan yang melaluinya, jalan-jalan yang tidak seharusnya dilalui oleh kenderaan yang membawa barang yang melebihi beratnya. Inilah satu sebab yang mengakibatkan jalan yang selalu rosak walaupun selalu dibaiki. Jika sekiranya Kementerian Pengangkutan tidak boleh bertindak dengan segera untuk mencipta beberapa peraturan yang baru supaya boleh memberikan kuasa-kuasa baik kepada RIMV atau Polis supaya kenderaan-kenderaan yang melanggar peraturan-peraturan baru ini bolehlah dihukum atau mereka boleh diberikan nasihat terlebih dahulu supaya satu langkah yang lebih positif untuk mencegah bahawa jalan-jalan itu selalu dirosakkan oleh overloaded vehicles yang selalu membawa berbagai masalah.

Di sini saya yakin tentulah Kementerian Pengangkutan adalah merupakan satu agensi yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mengadakan peraturan-peraturan yang berkenaan khususnya di Fasal 151 di mana Menteri sudah diberikan kuasa yang sepenuhnya untuk mengadakan peraturan ini. Kalau tidak, tidak ada gunanya Kementerian Kerjaraya dan pihak-pihak yang tertentu baik di peringkat State atau Municipality selalu membazirkan wang yang banyak untuk memperbaiki jalan tetapi masalah yang

sebenarnya adalah berlaku kerana kekurangan peraturan atau enforcement yang selalu menjadikan satu punca yang membawa masalah jalan itu.

Saya harap Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini adakah satu peraturan baru atau satu pindaan diadakan terhadap ordinan ini supaya boleh memeruntukkan apakah jenis jalan ini hanya boleh digunakan oleh jenis kenderaan yang tertentu. Maka kawalan yang lebih rapi dan ketat boleh diadakan supaya kepentingan pengguna-pengguna jalan tidak selalu dijadikan scapegoat kerana kenderaan-kenderaan yang tidak bertanggungjawab menggunakan jalan-jalan yang tidak seharusnya digunakan itu.

Point yang kedua juga ada berkaitan dengan keselamatan jalan yang tertakluk di bawah bidangkuasa dan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan termasuk Kementerian Kerjaraya dan Polis iaitu jalanraya. Saya yakin Tuan Speaker sendiri juga ada pengalaman yang luas bila menggunakan sepanjang jalan dari Kuala Lumpur ke Seremban Highway. Walaupun Highway ini telah membawa banyak faedah kepada rakyat Malaysia, masa dapat dijimatkan dan lalulintas lebih licin dengan adanya jalanraya baru ini, tetapi masalahnya ialah pihak Kementerian bukan hanya mengadakan jalanraya untuk kegunaan orang-ramai tetapi yang lebih mustahak bagi sesuatu batang jalanraya diadakan ialah kemudahan-kemudahan asas (facilities). Ini yang paling pokok perlu diperuntukkan atau disediakan di sepanjang jalan di antara Kuala Lumpur-Seremban atau pada masa akan datang dari utara ke selatan dan timur ke barat.

Kita dapati dan saya yakin mungkin kita akan bersetuju iaitu di sepanjang jalanraya ini langsung tidak ada workshop facilities yang bertanggungjawab untuk tuannya kereta bila kereta mereka rosak boleh hantar keretanya untuk diperbaiki (repair) dan bila tayar pecah—pun boleh ditukar di workshops yang tertentu.

Kedua ialah tidak ada balai polis ditempatkan di tempat-tempat yang mustahak bila ada berlaku umpamanya rompakan atau kemalangan atau satu perkara yang timbul

dalam keadaan kecemasan di mana perkhidmatan polis adalah sangat-sangat diperlukan.

Ketiga ialah unit perubatan juga tidak diadakan di sepanjang jalan ini. Saya tidak mengatakan untuk mengadakan satu pusat perubatan tetapi pada tempat-tempat yang tertentu di mana ada berlaku umpamanya kemalangan sekurang-kurangnya emergency rescue atau rawatan boleh ditawarkan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kemalangan itu atau bila ada berlaku penyakit-penyakit yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu ialah kemudahan untuk kedai makan dan minum. Memang sekarang ini ada kedai-kedai di dalam kebun getah tetapi itu tidak sesuai. Yang paling sesuai ialah satu tempat makan umpamanya di lain-lain negeri, bukan sahaja ada makanan dan minuman dibekalkan tetapi juga ada tandas awam boleh digunakan oleh pengguna-pengguna sepanjang jalan itu. Nampaknya kita kadang-kadang sampai masa kita tidak boleh tahan, masuk ke kebun getah. Tuan Speaker, nampaknya tidak enak kita membuat begitu tetapi terpaksa dalam keadaan yang tertentu. Itulah sebabnya Kementerian Kerjaraya bolehlah bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan untuk berunding bersama-sama bagaimana boleh mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti yang saya sebutkan tadi supaya kepentingan nyawa dan kepentingan orangramai ini boleh diperindungi dengan adanya facilities yang ditawarkan; khasnya pada waktu malam bila berlakunya kereta rosak di tengah-tengah jalan, bagaimanakah tuan-tuanpunya kereta ini hendak meminta SOS daripada workshop. Kadang-kadang mereka menghadapi masalah ancaman umpamanya kena rompak, kadang-kadang nyawapun terancam.

Tuan Speaker, di sini saya fikir dari segi peri kemanusiaan atau dari segi kemudahan asas ini, Kementerian Pengangkutan bukan sahaja bertanggungjawab untuk melihat jalan-jalan ini adalah digunakan sewajarnya tetapi juga hendaklah melihat kepentingan pengguna-pengguna jalan ini adalah di dalam jagaan Kerajaan khasnya Kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi.

Saya harap kelima-lima facilities yang paling pokok ini boleh diperuntukkan dalam jangka masa yang pendek ini dan satu rancangan yang pendek juga perlu diadakan. Yang paling mustahak ialah bila keseluruhan jalanraya yang ada di Malaysia sudah siap dibina dan sudah mulai digunakan maka facilities ini bolehlah ditempatkan dan disediakan demi kepentingan orangramai supaya kita tidak lagi mahu melihat bahawa bila berlakunya kemalangan hingga orang yang terlibat dalam kemalangan itu matipun tidak diketahui oleh pihak-pihak yang tertentu sehingga satu dua hari.

Tuan Speaker, ini satu perkara yang sangat mustahak. Saya sudah dua kali membangkitkannya tetapi nampaknya masih tidak ada apa-apa jawapan yang konkrit atau tindakan yang positif telah diambil, tetapi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini bilakah atau bagaimanakah facilities ini boleh disediakan atas jalan-jalan yang saya sebutkan kerana ini adalah berkaitan dengan kepentingan orangramai juga adalah berkaitan dengan keselamatan jalan-jalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, izinkan juga saya menyebut mengenai bidangkuasa untuk mentadbir dan menyelenggarakan (maintenance) jalan-jalan yang ada baik di bawah tanggungjawab Kementerian Kerjaraya atau di bawah tanggungjawab Kerajaan State atau kadang-kadang Kerajaan Tempatan. Saya tidak mahu melihat lagi bahawa perkara ini selalu dijadikan sebagai football, boleh ditendang dari sana ke sini sehingga kepentingan orangramai sudah dicuainya kerana ketiadaan satu-satu pihak yang tertentu mahu mengambil tindakan yang segera untuk memperbaiki keadaan jalan yang merbahaya terhadap keselamatan pengguna-pengguna jalan.

Saya harap satu formula boleh diwujudkan untuk mengkordinasikan maintenance jalan-jalan, baik di bawah jagaan dan tanggungjawab Kementerian sama ada Federal atau State atau di bawah tanggungjawab Kerajaan Tempatan. Jika sekiranya takrif jalan ini tidak sempurna maka

saya mencadangkan bahawa satu pindaan boleh diadakan untuk memperluaskan lagi scope definisi jalan supaya jalan-jalan yang ada di Malaysia ini bolehlah ditakrifkan di bawah satu unit yang boleh menjalankan satu kerja dengan lebih rapat lagi di antara satu sama lain; sama ada Kementerian dengan Kerajaan Tempatan atau Kerajaan State. Kita tidak sanggup lagi melihat bahawa jalan-jalan ini hanya dibiarkan begitu sahaja yang di antaranya berlekuk besar, di antaranya sudah kehilangan permukaan tar dan sebahagian besarnya sudah menjadi rata.

Keadaan jalan ini termasuk dalam jalanraya sepanjang Kuala Lumpur dan Seremban sepertimana saya ada sebutkan tadi bahagian Serdang dan juga lebih kurang lima batu daripada Seremban sangat merbahaya. Kadang-kadang hujan turun dengan lebatnya bahagian jalan ini sudah penuh dengan air. Kalau kita memandu kereta dengan laju tersilap mata sahaja kita akan masuk dalam air sehingga kita akan terbuang dan accident berlaku. Perkara ini sudah dua kali saya timbulkan tetapi tiap-tiap kali apabila saya melalui bahagian jalan ini tiada apa-apa tindakan pembaikan diambil untuk membaiki jalan yang merbahaya itu.

Saya harap perkara ini boleh diselesaikan dengan tindakan inisiatif dari Kementerian Pengangkutan dan saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika menggulung perbahasan hari ini boleh memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimanakah keseluruhan jalan-jalan yang ada di Malaysia hari ini boleh diperbaiki termasuk memperuntukkan lampu-lampu isyarat atau papan tanda-papan tanda yang boleh menunjukkan arahan dan tanda-tanda keselamatan supaya kemalangan di jalanraya ini boleh dikurangkan. Kita tidak boleh menafikan bahawa perangkaan kemalangan jalanraya di Malaysia adalah sangat tinggi dan sangat memeranjatkan kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita. Tentu ada beberapa faktor yang mengakibatkan kemalangan jalanraya. Kalau disimpulkan kita boleh lihat ada tiga faktor yang mustahak iaitu yang berpunca dari keadaan jalan sendiri, kedua ialah berpunca dari kenderaan sendiri dan ketiga berpunca daripada human factors.

Tuan Speaker, sekarang saya hanya hendak sebut masalah yang berpunca dari keadaan jalan sendiri iaitu kerana tadi saya ada sebut mungkin kerana disebabkan Kementerian sangat sebok atau terlalu berat tanggungjawabnya untuk maintain jalan-jalan yang berkenaan maka bolehlah satu Task Force ditubuhkan untuk menyiasat dan mengkaji keseluruhan keadaan jalan-jalan yang ada di negara kita supaya kemalangan jalanraya ini boleh dikurangkan. Kita tidak mahu melihat kerana sesuatu projek atau rancangan baik, menanam kabel atau hendak memasang sesuatu perkara, bila jalan ini dikorek pihak yang bertanggungjawab sudah kecuaiannya tanggungjawabnya tetapi pihak yang tertentu pun tidak bertindak segera untuk memperbaiki bahagian jalan yang sudah dikorek atau sudah ditanam dawai atau dipasang sesuatu benda. Kadang-kadang keadaan macam ini selalu membawakan kemalangan rakyat kita. Umpamanya kita boleh lihat dari Seremban ke Melaka sangat bahaya keadaan jalan ini yang kadang-kadang mengorbankan nyawa manusia.

Tuan Speaker, point yang keempat yang perlu saya sebutkan ialah penggunaan jalan-jalan yang tertentu oleh Kementerian yang tertentu umpamanya oleh Kementerian Kewangan bila Pegawai-pegawai Kastam hendak mengadakan pemeriksaan mengejut, atau PEMADAM hendak mengadakan pemeriksaan mengejut untuk memeriksa 'smuggling of drugs' atau RIMV sendiri hendak mengadakan pemeriksaan terhadap kenderaan, atau polis sendiri hendak mengadakan 'road block' di atas jalan-jalan yang berkenaan. Perkara ini selalu membawa satu masalah ialah pihak-pihak tertentu mengadakan pemeriksaan di jalan-jalan tertentu ini sudah kecuaiannya untuk menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan iaitu mereka kadang-kadang mengadakan block atau pusat pemeriksaan ini di bahagian-bahagian jalan yang sangat bahaya. Kadang-kadang sign boardnya pun terlalu kecil dan pada waktu malam teruk pula kadang-kadang kita tidak nampak adanya pegawai-pegawai dari Kementerian yang saya sebutkan tadi untuk mengadakan pemeriksaan di kawasan yang tertentu.

Saya harap Kementerian Pengangkutan boleh mengeluarkan satu arahan kepada Kementerian-kementerian yang lain yang selalu menggunakan jalan-jalan untuk menjalankan tugas mereka. Saya bukan kata ini adalah salah untuk menjalankan tugas mereka, tidak, tetapi perlu ditetapkan di bahagian jalan yang lebih selamat yang boleh melindungi keselamatan orangramai bukan hanya untuk 'convenience of the Ministry' atau pihak-pihak yang berkuasa.

Tuan Speaker, satu perkara yang selalu berlaku ialah dari pemeriksaan jalan ini juga ada berpunca iaitu berlaku masalah attitude dari pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya harap perkara ini boleh diperbaiki supaya salah faham boleh dielakkan bila berlakunya pemeriksaan di jalan-jalan yang digunakan. Ini adalah mustahak untuk menjamin bahawa lalulintas jalan kita selalu dalam keadaan yang licin bukan selalu mengalami gangguan dari pihak-pihak tertentu.

Tuan Speaker, juga ada satu point yang berkaitan dengan pemeriksaan di setengah-setengah jalan itu. Saya harap Kementerian Pengangkutan boleh cuba memasukkan pasukan BSN dalam tempat-tempat yang tertentu kerana ini mungkin akan mempertingkatkan kecekapan pemeriksaan di kawasan-kawasan bila road block atau pemeriksaan diadakan secara mengejut supaya segala desas-desus boleh dihentikan yang berkaitan dengan salahguna kuasa atau rasuah dalam waktu menjalankan tugas mereka. Saya harap cadangan baru ini juga boleh dipertimbangkan iaitu Biro Siasatan Negara boleh juga dijemput untuk bersama-sama menjalankan tugas mereka.

Point yang keenam yang perlu saya sebutkan, sungguhpun perkara ini adalah disebut dengan jelasnya dalam Fasal 70A "Power to remove structure from road", iaitu saya dapati bila JKR atau Jabatan Telekom atau LLN menjalankan kerja atau menjalankan sesuatu projek kecil di jalan-jalan yang tertentu mereka selalu ada menimbun atau meletakkan barang-barang yang selalu menghalang kelicinan lalulintas jalan di kawasan-kawasan tertentu. Saya harap Kementerian Pengangkutan boleh di bawah Fasal 70A ini menggunakan kuasanya untuk membersihkan jalan-jalan di mana ada

projek-projek atau kerja-kerja sedang dijalankan malah boleh satu kerja umpamanya untuk memperbaiki jambatan atau membaiki jalan-jalan tertentu maka jikalau kerja ini memakan masa sebulan barang-barang selalu diletakkan di tepi jalan inipun memakan masa satu bulan, kadang-kadang hingga dua bulan. Bila kerja sudah siap, barang-barang masih ada di sana. Maka pihak yang berkenaan khasnya Kementerian Pengangkutan bolehlah memberikan satu perhatian yang serius atas perkara ini.

Jika Kementerian tidak bertindak segera untuk membersihkan jalan-jalan di mana ada kerja-kerja sedang dijalankan oleh kerana Kementerian-kementerian yang lain, bila berlakunya satu kemalangan yang berpunca daripada barang-barang ini sebagai penghalang kelicinan lalulintas maka siapakah yang akan dipertanggungjawabkan atas kemalangan ini. Mungkin ini boleh dijadikan satu test case untuk menguji siapakah yang akan bertanggungjawab di atas kemalangan jalanraya kerana berpunca daripada keadaan keselamatan jalan yang diakibatkan oleh kerja-kerja yang sedang atau sudah dijalankan tidak dibersihkan jalannya. Saya harap nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu jaminan bahawa adakah satu arahan akan diberikan kepada Kementerian-kementerian yang lain yang terlibat dalam kerja-kerja yang selalu dijalankan ada berkaitan dengan penggunaan jalanraya atau lebuhraya dan lain-lainnya supaya keselamatan orangramai bolehlah diperlindungi. Jangan kerana kerja-kerja dijalankan, dengan izin, at the expense of public interest.

Tuan Speaker, suka saya sentuh satu aspek lagi ialah tadi saya ada sebut mengenai takrif jalan ini yang ada berkaitan dengan Fasal 61, iaitu mengenai power to restrict the use of vehicles on specific roads. Sungguhpun kuasa-kuasa yang tertentu sudah diberikan kepada Menteri atau Kementerian atau agensi-agensinya untuk mengawal dan menghadkan penggunaan kenderaan-kenderaan yang tertentu atas jalan-jalan yang tertentu tetapi nampaknya fasal ini masih tidak diperkuatkuasakan dengan sepenuhnya. Saya harap perkara ini boleh diambil berat oleh Kementerian

Pengangkutan supaya keselamatan pengguna jalan dan kemalangan jalanraya bolehlah sama-sama dititikberatkan. Jangan adanya undang-undang tetapi tidak dikuatkuasakan sehingga rakyat kita sendiri yang mengalami berbagai masalah dan menghadapi kerugian sehingga kehilangan nyawa sendiri.

Kelemahan-kelemahan yang telah saya sebutkan tadi perlulah diperbaiki, baik melalui satu Task Force ditubuhkan atau melalui satu jawatankuasa ditubuhkan. Saya harap nanti Timbalan Menteri boleh juga memberitahu kita, umpama khasnya jalan-jalan dari Melaka atau dalam negeri Melaka sendiri sampai ke Kuala Lumpur dan Seremban, kedua-dua tepi jalan kadangkadangkang kehilangan tanah merah, ada lekuk atau lubang yang besar pun tidak diratakan dengan tambakan tanah merah atau ditarkan atau diperbaiki sehingga kadangkadangkang kenderaan akibat kesilapan teknik pemandunya adalah membawa kemalangan yang serius. Saya harap perkara ini juga boleh diambil berat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akhirnya, Tuan Speaker, perlulah saya menitikberatkan satu point ialah bagaimana Kementerian Pengangkutan di samping memberikan satu pertimbangan, iaitu memberikan satu takrif baru terhadap jalan. Sepertimana yang kita bahaskan hari ini iaitu tertakluk di bawah seksyen 2, Ordinan Lalulintas Jalan mengenai jalan yang berkenaan supaya scope seksyen 61 dan 70A ini boleh diperluaskan. Saya fikir yang lebih mustahak ialah Kementerian Pengangkutan juga perlu memberikan satu pertimbangan yang sewajarnya atas pindaan-pindaan boleh dicadangkan dalam persidangan Dewan yang akan datang, khasnya mengenai bidang kuasa Menteri boleh memperuntukkan, umpamanya Fasal 151, peraturan-peraturan yang baru untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran Kementerian khasnya dalam hubungan RIMV untuk memeriksa kenderaan-kenderaan, baik dalam pusat RIMV sendiri atau di tengah-tengah jalan dijalankan supaya imej yang selalu dijadikan satu common complaint di antara rakyat Malaysia hari ini bolehlah dikikiskan sama sekali.

Tuan Speaker, saya harap inilah ucapan saya dan nanti boleh diberikan jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.57 pgt.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 kerana dengan adanya pindaan ini maka dapatlah pihak Kementerian Pengangkutan bertindak lebih berkesan dari segi memperbaiki dan menaikkan taraf jalanraya-jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka 24 tahun. Jika kita bandingkan dengan masa di bawah penjajahan saya sungguh berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang sungguh berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah-sekolah, universiti, bekalan air dan lampu tetapi yang lebih penting ialah jalan-jalan. Bila saya sebutkan jalan termasuklah jalan-jalan kampung, iaitu jalan-jalan di luar bandar yang mana jalan-jalan ini adalah nadi kepada petani-petani yang membawa hasil-hasil mereka ke bandar-bandar untuk dijual dan kanak-kanak ke sekolah. Banyak dari jalan-jalan ini masih tanah merah sungguhpun ada peruntukan mengtarkan tetapi masih banyak lagi belum ditarkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada jalanraya-jalanraya di bandar-bandar besar dan di bandar-bandar kecil selalu kita lihat timbunan-timbunan tanah, batu, pasir selalu diletakkan di atas bahu-bahu atau di tepi-tepi jalan kerana ini menyebabkan gangguan lalulintas dan menyebabkan kemalangan, kerap kali bila jalan-jalan ini masa diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan apabila pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos atau LLN atau JKR hendak memasang kabel atau memasang paip untuk bekalan-bekalan air dan juga bekalan-bekalan elektrik eloklah berpakat atau mengambil masa sekali kerana selalu kita lihat kerja korek-mengorek ini atau memecah jalan-jalan selalu berlaku dan apabila sudah

dikorek ataupun dipecahkan, dibiarkan begitu. Maka dengan sebab inilah jalan-jalan itu menjadi rosak, banyak kita dapati lubang-lubang di sana sini dan kalau dibaiki pun tidak akan menjadi seperti yang asal dahulu. Jadi kalau hendak membuatkan perkara begini eloklah ada perhubungan antara semua jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kementerian ini dapat memberi arahan kepada pihak syarikat-syarikat bas membuat tempat-tempat perhentian bas yang lebih besar dan selesa supaya orang ramai yang menunggu bas tadi dapat duduk dengan tenteram dan juga selesa.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu lihat tulisan di lori-lori besar "35 b.s.j." Kadang-kadang kita tidak faham. Kita boleh fikir 35 b.s.j. ini ialah 35 batu sejam. Tetapi bagi pendapat saya ini adalah salah, kerana "b.s.j." ini pada pendapat saya istilahnya "berapa suka jalan". Jadi "b" itu berapa, "s" suka, "j" jalan. Kerana kita nampak sungguhpun tulisan itu ada di situ tetapi bagi lori-lori itu berjalan ikut suka hati dengan lebih deras dan laju tanpa menghiraukan keselamatan orang lain. Lori-lori ini yang setengah membawa kayu balak, itu tidak mengapalah kerana kayu itu diikat dengan rantai besi yang begitu besar tetapi yang membawa batu-batu dengan tidak ditutup kadangkala batu-batu tadi terpelanting, jadi banyaklah kerosakan kepada kereta-kereta yang di belakang atau yang di tepi kerana kena batu yang terpelanting tadi. Saya haraplah perkara ini dapat pihak Kementerian mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita kedapatan lori-lori membawa muatan yang berat-berat didahului oleh sebuah kereta yang membawa lampu isyarat. Lampu-lampu itu kadang-kadang berkelip-kelip tetapi terlalu jauh, sepatutnya biarlah kereta yang membawa lampu isyarat tadi dekat dengan lori yang besar yang kadang-kadang lori besi yang panjang itu. Kadang-kadang apalah salahnya kalau kita dekatkan kereta berlampu tadi lebih dekat kerana didapati sekarang ini kereta yang berlampu lebih kurang setengah batu baru kita nampak lori yang panjang tadi mengikut kereta yang membawa lampu tadi. Saya mintalah dan saya sukalah

mengesyorkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya memberitahu kepada kereta-kereta yang membawa lampu tadi supaya lebih dekat dengan lori-lori panjang yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Panti supaya jalan-jalan baru yang dibina dikenakan wang pertaruhan kepada syarikat-syarikat tersebut yang selalu menggunakan jalan-jalan tadi, kerana dengan wang pertaruhan ini dapat kita memperbaiki jalan itu apabila berlaku kerosakan. Ini sangat perlu kerana bila jalan-jalan itu rosak JKR juga akan disalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, di atas bahu-bahu jalan ini kita dapati banyak orang-orang kita mendirikan gerai ataupun warung-warung kecil terutama di Kuala Kangsar, kita nampaklah orang-orang ini menjual pisang dan juga buah-buahan. Dan ini adalah mata pencarian orang-orang itu. Tetapi pada pendapat saya ini ada juga bahayanya kerana kerap kali banyak kereta-kereta berhenti membeli barang-barang tadi kerana pada pendapat saya juga orang-orang itu tidak ada insuran semasa menjual di situ. Bila terjadi sesuatu perlanggaran atau apa-apa accident siapakah yang akan bertanggungjawab. Kita pun kasihan kepada orang-orang ini dan juga kasihan kepada orang-orang yang mungkin mendapat kemalangan, maka saya juga menasihatkan supaya pihak-pihak tertentu mengarahkan supaya gerai-gerai ini dibuat berjauhan sedikit daripada bahu-bahu jalan.

Setakat inilah sahaja pendapat saya dan saya juga menyokong Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.04 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan semalam iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Mengikut Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda takrif "road" di dalam Seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 supaya memperluaskan

skop seksyen 61 dan 70A Ordinan untuk meliputi jalan yang sedang dibina dan bahu jalan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan huraian di dalam Rang Undang-undang ini tidak termasuk di dalam takrif jalan itu, parit-parit tepi jalan. Perkara ini biasa dibangkitkan di dalam Dewan ini dan juga di dalam banyak perjumpaan di antara Wakil Rakyat dengan penduduk-penduduk dalam kawasan tentang siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk mengendali dan mengarah serta menjaga parit-parit di tepi jalan. Saya berharap pindaan ini akan juga diperluaskan untuk memasukkan takrif bukan sahaja jalan yang sedang dibina, bahu jalan bahkan parit-parit di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan dengan lalulintas ini adalah menjadi perhatian umum khususnya kerana banyak kementerian dan banyak jabatan yang ada kaitannya dengan jalan. Perkara yang biasa diperkatakan ialah soal penguatkuasaan bagi menentukan membawa jalan-jalan yang dibina oleh pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam itu dapat diselenggarakan dan digunakan dengan cara yang sebaik-baiknya dan tidaklah selalu rosak dan mengakibatkan banyak kemalangan yang berlaku.

Dalam hal ini saya kira adalah amat penting sekali Kementerian-kementerian yang berkenaan itu menyelaraskan tindakan penguatkuasaannya iaitu Kementerian Pengangkutan dari segi penguatkuasaan kegunaan jalan itu, Kementerian Perusahaan Awam yang ada kaitan dengan pengeluaran lesen-lesen yang membolehkan lori-lori, kenderaan-kenderaan itu menggunakan jalan-jalan tertentu dengan had muatan yang tertentu bagi mengelakkan jalan-jalan itu digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang lebih daripada muatannya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi membantu Kementerian Pengangkutan khasnya pegawai-pegawai RIMV bagi menentukan pemandu-pemandu kenderaan khasnya muatan-muatan yang berat itu tidak menggunakan jalan-jalan yang telah ditentukan had muatannya. Ini kerap berlaku dan kita masih lihat lagi umpamanya di tepi-tepi jalan ada satu papan tanda yang

menentukan had muatan tidak lebih daripada dua atau tiga tan tetapi kita lihat masih banyak lagi lori-lori balak yang membawa kayu yang mungkin melebihi 10 atau 15 tan melalui jalan tersebut, bukan sahaja di atas jalan-jalan yang baharu tetapi jalan-jalan yang lama yang telahpun digunakan sejak beberapa tahun lalu. Oleh sebab itu penguatkuasaan ini adalah amat penting supaya usaha-usaha yang dijalankan oleh kesemua Kementerian khasnya Kementerian Pengangkutan itu tidak menjadi sia-sia.

Di dalam hal ini penjelasan juga perlu dibuat. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Lembaga Perlesenan dan Pengangkutan Jalan perlu diselaraskan. Kita lihat hari ini oleh sebab pesatnya kemajuan negara kita di dalam bidang ekonomi maka usaha dan juga perusahaan pengangkutan itu begitu dikatakan amat lumayan. Di dalam peringkat sekarang ini kita lihat bukan sahaja kenderaan-kenderaan yang kecil, yang sederhana digunakan di atas jalanraya begitu juga kenderaan-kenderaan yang berat yang kadang-kadang melebihi daripada had muatan telah banyak digunakan. Bukan setakat kenderaan itu lebih hadnya tetapi juga panjang dan lebih besar daripada kenderaan-kenderaan yang pernah digunakan pada masa yang lalu. Oleh yang demikian saya kira adalah amat perlu sekali sebelum Lembaga Perlesenan mengeluarkan permit-permit bagi menentukan had muatan itu membincangkan perkara ini dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya tiap-tiap satu permit yang digunakan, yang dikeluarkan kepada mana-mana pengusaha pengangkutan itu tidaklah digunakan di atas jalan-jalan yang tidak boleh memikul had muatan yang ditentukan oleh Lembaga Perlesenan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang amat penting juga ialah tentang kenaikan taraf jalan-jalan. Sekarang ini ada beberapa grading ataupun beberapa taraf jalan yang ditentukan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, umpamanya jalan-jalan yang besar, highway dikatakan taraf jalan kelas 'A' dan jalan-jalan kampung dalam taraf kelas 'C' dan sebagainya.

Perkara yang amat penting sekarang ini ialah bahawa soal jalan adalah soal yang bersambungan. Kita ketahui pada hari ini jalan-jalan ada ditakrifkan jalan Negeri dan juga ada jalan Persekutuan.

Saya kira sudah sampai masanya takrif ini dihapuskan bahkan dianggap semua jalan-jalan yang besar itu sebagai Jalan Persekutuan dan menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan juga Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih soal penjagaan (maintenance) jalan-jalan tersebut.

Yang kedua, timbul juga masalah penjagaan jalan-jalan di dalam kawasan Majlis-majlis Daerah. Ini berbangkit kerana Majlis Daerah ada diletakkan di bawah Kementerian yang lain dan peruntukan yang tertentu diberikan. Tetapi yang malangnya perkara rungutan yang biasa diterima ialah pihak Majlis-majlis Daerah tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk memperbaiki jalan-jalan itu dan dengan sebab itu terdapat di dalam kawasan-kawasan bandar—kawasan-kawasan Majlis Daerah yang baharu jalan-jalan itu tidak diselenggarakan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, saya kira adalah amat perlu pihak Kerajaan khasnya Kerajaan Persekutuan mengambil kira dan memberikan bantuan yang secukupnya dan juga mengambil alih semua jalan-jalan yang ada di dalam negara kita ini diletakkan di bawah jagaan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu yang amat penting di sini ialah perkara yang berkaitan dengan jalan-jalan di luar bandar dan juga pembinaan jalan-jalan di luar bandar. Sekarang ini pihak Kementerian yang berkenaan menjalankan usaha membina jalan-jalan luar bandar dengan mengadakan package deal tetapi kita lihat mutu jalan yang dibuat pada hari ini bukan sahaja jalan di luar bandar bahkan jalan-jalan highway pun boleh dikatakan lebih rendah mutunya kalau dibandingkan dengan jalan-jalan highway ataupun jalan-jalan kelas A yang dibina beberapa tahun yang lalu. Dan sebab itulah saya kira menyebabkan umpamanya suatu contoh yang amat jelas tentang sungutan orang ramai tentang keadaan taraf jalan

highway baharu Karak Timur-Barat yang menyambung keadaan negeri-negeri di sebelah Timur dengan Barat yang dikatakan banyak yang rosak. Jadi, ini adalah suatu perkara yang perlu juga ditekankan supaya mutu buatan jalan-jalan kita khasnya yang dikatakan bertaraf highway itu hendaklah benar-benar dapat menampung bukan sahaja jenis-jenis kenderaan tertentu tetapi semua jenis kenderaan-kenderaan yang telahpun diluluskan untuk menggunakan jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan berharap dengan pindaan yang ada ini maka pihak Kementerian Pengangkutan akan dapat bertindak dengan lebih tegas lagi kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan Undang-undang kepada pihak-pihak yang telah melanggar had muatan yang telah ditentukan supaya kita tidak lagi perlu membincangkan soal jalan ini lebih panjang lagi untuk membolehkan Kerajaan bertindak bagi memperbaiki keadaan kita pada hari ini. Oleh yang demikian, sekali lagi saya menyokong di atas pindaan Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.16 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya iaitu berharap supaya pihak Kementerian dapat mengkaji beberapa perkara yang telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertamanya, saya rasa sampailah masanya pihak Kementerian-kementerian dan beberapa jabatan yang ada kena-mengena dan kait-mengait dengan lalulintas dan jalanraya ini supaya dapat mengadakan suatu penyelarasan supaya boleh menyenangkan rakyat yang menggunakan jalanraya.

Begitu juga saya menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh kawan-kawan saya iaitu bagi menghapuskan pengtakrifan jalan-jalan, umpamanya Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan sebagainya. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu contoh umpamanya tentang penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri ini adalah ketinggalan, kalau kita bandingkan dengan penyelenggaraan Jalan-jalan Federal, contohnya Jalan Negeri yang menghubungkan Kuala Kangsar, Lenggong, Gerik dan Keroh, sungguhpun jalan ini jalan kecil tetapi dengan kepesatan pembangunan yang berlaku di Daerah Ulu Perak umpamanya dengan adanya Lebuhraya Timur-Barat, dengan adanya 3 buah ampuangan yang besar di daerah ini iaitu Ampungan Temenggor, Bersia, Kenering dan sebuah ampuangan yang lama di Chenderoh. Dan begitu juga dengan kawasan Ulu Perak ini menjadi sempadan dengan negara Thai yang hari ini menjadi satu tempat perhimpunan atau berkumpul pasukan keselamatan kita sama ada tentera dan polis hutan yang begitu banyak sekali di kawasan itu maka Jalan Negeri ini telah menjadi satu jalan yang sebok sekali. Tambahan pula dengan pembangunan ekonomi di kawasan itu hari ini bertambah pesat, umpamanya pengeluaran balak dan sebagainya. Jadi, jalan ini sentiasa digunakan dan telah menjadi suatu jalan yang sebok sekali.

Apa yang mendukacitakan penduduk-penduduk di kawasan itu bahawa jalan ini tidak diselenggarakan dengan sempurna. Umpamanya bahu jalannya yang terbiar dan jalan yang sempit 18 kaki ini tidak dapat berselisih lori-lori balak yang besar, lori Angkatan Tentera, lori-lori yang membawa loji yang besar ke 4 ampuangan selalulah menjadi kemalangan oleh kerana bahu-bahu jalan yang berlopak-lopak. Tambahan pula ada kalanya jalan-jalan ini diturap separuh-separuh maka menjadi masalah besar kepada orang yang menggunakan jalan-jalan ini. Jadi, perkara ini sebagaimana kata saudara saya Yang Berhormat dari Pagoh, masalah ini sentiasa dibangkitkan oleh Wakil-wakil Rakyat di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah kepada pihak yang berkenaan. Pihak JKR menjelaskan bahawa ini adalah tanggungan pihak negeri. Jadi, dengan sebab itu, saya tidak tahu sampai

bilakah masalah-masalah ini dapat diselenggarakan.

Yang muskilkan lagi, Jalan-jalan Federal hari ini kita nampak telah dibesarkan, dibaiki dan bahu-bahu jalan yang cantik, tetapi jalan ini kadang-kadang timbul kemuskilan, oleh kerana lalang, semak samun di kiri kanannya tidak bersih dengan sempurna maka kadang-kadang timbul tohmah-tohmah daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengatakan bahawa jalan ini lebih baik lagi pada masa penjahat daripada masa kita hari ini. Walaupun saya telah dengar bahawa jalan ini mungkin akan dinaikan tarafnya kepada Jalan Persekutuan tetapi sampai bila saya tidak tahu. Saya berharap supaya dapat diselenggarakan dengan sempurna.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, jalan ini melalui Tasek Chenderoh. Oleh kerana bahu jalan-jalannya tidak cantik, pernah berlaku kemalangan beberapa kali, lori, kereta terus jatuh ke dalam tasek ini oleh kerana tidak diselenggarakan dengan baiknya disebabkan tebing-tebing ataupun bahu jalannya semak dan juga berlopak-lopak.

Satu perkara lagi, saya hendak timbulkan di sini ialah perkara yang berhubung dengan pokok-pokok di tepi-tepi jalan. Sebagai contohnya juga Jalan Lenggong, Kuala Kangsar dan Gerik ini kerap kali berlaku pokok-pokok kepunyaan orang ramai tumbang di tengah-tengah jalan dan mengganggu perjalanan, masalah ini ialah pernah ditimbulkan, tidakkah pihak Kerajaan kita mengadakan satu undang-undang bagi membolehkan supaya pokok-pokok yang ada berhampiran dengan jalan ini dapat dipotong. Tetapi mengikut penerangan yang telah diberi oleh pihak Kerajaan tidak ada kuasa untuk menebang pokok-pokok yang ada di tepi jalan kepunyaan orangramai ini. Saya rasa sampailah masanya pihak Kerajaan dengan kerjasama daripada beberapa Kementerian dan jabatan sebagaimana saya katakan tadi dapat mengadakan satu undang-undang bagi membolehkan pokok-pokok yang ada di tepi jalan yang membahayakan ini dapat dipotong bagi menjaga keselamatan orang ramai yang melalui kawasan-kawasan jalan negeri ini.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teck): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini pendek sekali, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskannya selama dua hari. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sangatlah memerhati pengangkutan khususnya pengangkutan jalan di tanahair kita.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan semangat, terutama Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Matang, Batang Padang, Panti, Ulu Muda, Gerik, Setapak, Tanah Merah, Kota Melaka, Sungai Petani, Pagoh dan baru-baru ini Padang Rengas.

Saya pun sedar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat mengelakkan peluang ini untuk membangkitkan masalah-masalah di dalam kawasan-kawasan Parlimen masing-masing, mengambil peluang ini menceritakan jalan yang rosak, titi kayu yang lama, jalan-jalan yang tidak ditarkan dan sebagainya. Walaupun apa yang disebutkan adalah keluar daripada Rang Undang-undang ini, pegawai-pegawai yang bertugas di Dewan ini telah catat apa-apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dirujuk kepada pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang ini sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kesibukan jalan-jalanraya kita. Ini tidak dapat dinafikan, jalan-jalan baikpun di bandar mahupun di antara bandar-bandar dipenuhi dengan Lalulintas di beberapa jenis kenderaan dan oleh yang demikian pemandu-pemandu tidak sabar, pemandu-pemandu lori, pemandu-pemandu bas, pemandu-pemandu kereta dan sebagainya hendak berjalan laju, hendak

memotong dan sebagainya, jadi timbullah kemalangan yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjelaskan di sini bahawa pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengambil tindakan keras untuk melaksanakan Rang Undang-undang di jalan-jalan tanahair kita dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah membacakan reaksi-reaksi daripada pengusaha-pengusaha jalan seperti pengusaha-pengusaha lori dan bas, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu setuju bahawa tindakan pelaksanaan ini sangatlah berkesan sekali.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang mengadakan 6 unit VASCAR untuk speed trap lebih telah dipesan, sekarang ada 23 unit kereta untuk tugas ronda, akan ditambah sampai 50 dan 110 motosikal pun akan dibeli untuk patrol duties dan pakaian seragam akan dibekalkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, walaupun penguatkuasaan Undang-undang telah dijalankan, punca masalah ialah penambahan jalan tidak serupa penambahan bilangan kenderaan.

Dari tahun 1970 hingga 1980 jumlah bilangan kenderaan telah bertambah purata 12% setahun selama 10 tahun tetapi dalam tempoh 10 tahun ini jalan telah bertambah beberapa peratus sahaja. Jadi, ini merupakan jalan-jalan kami telah overloaded dengan kenderaan dan di beberapa tempat capacity limit telah dilebihkan jadi timbullah masalah. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah membina beberapa jalan besar, dan telah membaiki beberapa jalan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat ini pembinaan jalan baru, membaiki jalan lama akan diteruskan dan dipercepatkan. Misalnya, kerja telah bermula untuk membina satu lebuh raya besar dari Bukit Kayu Hitam di sempadan Thai ke Johor Baharu di sempadan Singapura. Walau bagaimanapun, kerja membina jalan-jalan baru ini telah terjejas oleh kerana sebelum jalan itu siap lori telah menggunakan, side tablesnya telah digunakan untuk meletakkan kenderaan-kenderaan berat dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kerja-kerja tergendala, jalan rosak perlu diperbaiki. Kalau ini diteruskan, rancangan membina jalan secepat mungkin tidak dapat diteruskan dengan jayanya. Oleh yang demikian, Kerajaan perlulah kuasa untuk mengambil tindakan kepada pihak yang salahgunakan jalan yang belum siap dibina. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan. . . .

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, on a point of order. Majlis tidak cukup koram.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Cuba hitung. (*kepada Setiausaha Dewan*).

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira; lebih 26 Ahli hadir*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

USUL

PENANGGUHAN

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 17 (1) iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

LARANGAN ATAS RAPAT UMUM— MEMBATALKAN

6.30 ptg.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Penangguhan saya ialah apa yang ada dalam tajuk ucapan saya iaitu apa yang saya mahu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah membatalkan larangan atas rapat umum. Itu sahaja ucapan saya.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Apa point of ordernya?

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab tidak cukup koram, Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawablah. Bunyikan loceng!

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir*).

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab koram tidak cukup, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, hari Jumaat, 12hb Jun, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.